

Volume III
No. 11



Friday
10th March, 1967

PARLIAMENTARY DEBATES

DEW AN NEGARA (SENATE)

OFFICIAL REPORT

THIRD SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA

CONTENTS

EXEMPTED BUSINESS (Motion) [Col. 1245]

ADJOURNMENT SINE DIE [Col. 1245]

BILLS—

The Farmers' Association Bill [Col. 1245]

The Navy (Amendment) Bill [Col. 1248]

The Malay Regiment (Amendment) Bill [Col. 1249]

The Air Force (Amendment) Bill [Col. 1253]

The Air Force Volunteer (Amendment) Bill [Col. 1253]

The Naval Volunteer Reserve (Amendment) Bill [Col. 1254]

The Territorial Army (Amendment) Bill [Col. 1254]

The National Language Bill [Col. 1255]

ADJOURNMENT (Motion) [Col. 1322]

MALAYSIA
DEWAN NEGARA (SENATE)
Official Report

Vol. III Third Session of the Second Dewan Negara No. 11

Friday, 10th March, 1967

The Senate met at 9.30 o'clock a.m.

PRESENT:

The Honourable Mr President, DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMED YASIN, S.P.MJ., P.I.S., J.P. (Johor).
TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Appointed).
TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, P.J.K. (Negri Sembilan).
TUAN ABDUL RAHMAN BIN AHMAD (Perlis).
TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN, P.J.K. (Appointed).
TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N. (Penang).
TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDUL MANAP, P.P.N. (Melaka).
PUAN BIBI AISHA BINTI HAMID DON, A.M.N. (Appointed).
TUAN AMALUDDIN BIN DARUS (Kelantan).
TUAN AWANG DAUD MATUSIN (Appointed).
TUAN CHAN KEONG HON (Appointed).
TUAN CHAN KWONG-HON, J.M.N., S.M.S, J.P. (Selangor).
DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Appointed).
DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., J.M.N., J.P., Dato' Kurnia Indera (Appointed).
DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Appointed).
TUAN GAN TECK YEOW, J.M.N. (Appointed).
TUAN GOH CHEK KIN, P.J.K. (Trengganu).
TUAN HOH CHEE CHEONG, A.M.N., J.P. (Pahang).
TUAN C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Appointed).
TUAN ANDREW JIKA LANDAU (Appointed).
TUAN KOH KIM LENG (Melaka).
DATO' LEE FOONG YEE, J.M.N., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
DATO' Y. T. LEE, D.P.M.S., J.M.N., P.J.K., J.P. (Appointed).
TUAN LIM HEE HONG, J.M.N., J.P. (Appointed).
TUAN LIM JOO KONG, J.P. (Kedah).
TUAN MOHAMAD ADIB BIN OMAR, P.J.K. (Trengganu).
TAN SRI HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, P.M.N., S.P.MJ., D.P.M.B., P.I.S., J.P. (Appointed).
TUAN HAJI MOHAMED SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Appointed).
DATO' ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Appointed).
NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N. (Appointed).

The Honourable TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU (Sarawak).
 TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Appointed).
 TUAN SAIDON BIN KECHUT, A.M.N. (Appointed).
 DATO' SHEIKH ABU BAKAR BIN YAHYA AL-HAJ, D.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johor).
 TAN SRI G. SHELLEY, P.M.N., J.P. (Appointed).
 TUAN SYED AHMAD BIN SYED MAHMUD SHAHABUDIN, J.M.N., S.M.K., J.P. (Kedah).
 TUAN SYED DARUS BIN SYED HASHIM (Perlis).
 TUAN WILLIAM TAN (Appointed).
 TAN SRI T. H. TAN, P.M.N. (Appointed).
 TUAN S. O. K. UBAIDULLA, J.M.N. (Appointed).
 DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
 WAN MUSTAPHA BIN HAJI WAN ALI, S.M.K. (Kelantan).
 WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Appointed).
 TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).

ABSENT:

The Honourable the Minister without Portfolio, TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Appointed).
 PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Appointed).
 DATO' JOSEPH AUGUSTINE ANGIAN ANDULAG, P.D.K. (Sabah).
 DATU TUANKU BUJANG BIN TUANKU HAJI OTHMAN (Sarawak).
 TUAN CHEAH SENG KHIM, J.P. (Penang).
 TUAN D. S. DORAI RAJ, A.M.N., P.J.K. (Appointed).
 TUAN HONG KIM SUI (Appointed).
 DATU PENGIRAN MOHAMED DIGADONG GALPAM, P.D.K. (Sabah).
 TUAN S. P. S. NATHAN (Appointed).
 RAJA RASTAM SHAHROME BIN RAJA SAID TAUPHY (Selangor).
 DATO' E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Appointed).
 TUAN YEOH KIAN TEIK (Perak).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
 the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
 the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
 the Minister of Agriculture and Co-operatives, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
 the Minister of Lands and Mines, TUAN ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
 the Assistant Minister of Education, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

PRAYERS

(Mr President *in the Chair*)

EXEMPTED BUSINESS

(MOTION)

Tan Sri T. H. Tan: Mr President, Sir, I beg to move,

That notwithstanding the provisions of Standing Order 11, the Senate shall not adjourn today until consideration of all Government Business set out on the Order Paper for today has been completed.

Dato' Y. T. Lee: Mr President, Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That notwithstanding the provisions of Standing Order 11, the Senate shall not adjourn today until consideration of all Government Business set out on the Order Paper for today has been completed.

ADJOURNMENT *SINE DIE*

(MOTION)

Tan Sri T. H. Tan: Mr President, Sir, I beg to move,

That at its rising today the Senate shall stand adjourned *sine die*.

Dato' Y. T. Lee: Mr President, Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That at its rising today the Senate shall stand adjourned *sine die*.

BILLS

THE FARMERS' ASSOCIATION BILL

Second Reading

Order read for resumption of debate on Question, "That the Bill be now read a second time" (9th March, 1967).

Question again proposed.

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, menyambong jawapan saya sa-malam, saya telah pun memberi jawapan kepada semua perkara yang telah dibangkitkan, atau di-kemukakan oleh Ahli Dewan ini, tetapi sa-belum daripada saya mengakhir-nya saya suka-lah menjelaskan satu perkara barangkali

telah pun berlaku salah faham ia-itu berkenaan dengan apa yang saya sebutkan sa-malam. Kita berkehendakkan lebeh kurang 6,700 orang ahli pertanian atau pun agriculturist bagi menjayakan kerja pertanian atau ranchangan pertanian negara ini. Jadi di-sini beberapa buah akhbar telah pun menyebutkan pehak Kerajaan akan mengambil kerja sa-banyak 6,700 orang, yang sa-benar-nya ini tidak-lah benar.

Sa-bagaimana Dewan ini sedia ma'alum, negeri ini ada-lah negeri pertanian dan tanah yang di-gunakan untok pertanian ada-lah luas dan chara pertanian yang di-jalankan di-dalam negeri ini ada beberapa chara, ada yang maju dan ada di-antara-nya mengikut adat lama. Kalau sa-kiranya kita berkehendakkan kemajuan di-dalam pertanian ini harus-lah kita memberi latehan yang sa-penoh-nya: memberi ajaran dan pelajaran kepada petani yang ada di-seluruh negara kita ini. Untok menjalankan kerja tunjok ajar, latehan dan sa-bagai-nya dan memimpin petani ka-arrah kemajuan ini, kita berkehendakkan pemimpin daripada segala chorak, sama ada yang chukup terlatah atau pun dengan chara memberi latehan sa-kurang-nya kepada ahli pertanian itu.

Pada anggaran Kementerian ini dan juga Jabatan Pertanian sa-baik chara ia-lah sa-orang ahli pertanian bagi tiap 500 ekar tanah. Berasas kepada itu sa-bagaimana yang saya telah sebutkan kita berhajat, atau berkehendakkan kepada 6,700 orang pemuda kita yang di-latah sadikit sa-banyak, atau pun yang di-beri latehan berkenaan dengan pertanian ini. 6,700 orang itu bukan-lah semua sa-kali diambil kerja oleh Kerajaan, kita chuma akan menggunakan sa-bahagian daripadanya termasuk ahli pertanian yang sedia ada dengan Kerajaan pada hari ini. Sa-lain daripada ahli pertanian yang di-latah ini akan dapat menumpukan kerja-nya berkenaan dengan memajukan Persatuan Peladang, sa-bahagian daripadanya pula akan barangkali dapat bekerja di-estate atau ladang besar dan sa-bahagian daripadanya pula akan dapat memimpin ra'ayat yang ada di-dalam ranchangan

Kerajaan sa-umpama F.L.D.A., rancangan² tanah yang lain dan berbagai² rancangan. Jadi semua sa-kali jumlah yang di-kehendaki sa-bagaimana yang tersebut yang patut di-beri lathen ia-lah 6,700 orang. Jadi ini tidak-lah berma'ana yang pehak Kerajaan akan mengambil 6,700 orang. Jadi saya perchaya manakala Menteri Kewangan membacha akhbar yang di-siarkan pada pagi ini barangkali beliau sendiri pun terkejut dengan sebab 6,700 orang hendak di-ambil kerja. Jadi ini-lah penjelasan yang saya fikir patut di-beri supaya tidak menjadi salah faham berkenaan dengan kehendak negara sa-banyak 6,700 orang ahli² pertanian ini. Sa-takat ini-lah, terima kaseh.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr President *in the Chair*)

Clauses 1 to 11—

Tuan Abdul Samad bin Osman:

Tuan Pengerusi, saya minta sa-kali lagi penjelasan daripada Menteri ini berkenaan dengan Clause 11 (1). Clause 11 (1):

"Any farmer in an area shall be eligible to be a member of the Area Farmers' Association."

Saya memberi mithalan-nya bagini, kalau saya sendiri ada sa-keping tanah dua ekar ia-itu kebun, tetapi saya tidak potong getah itu dan saya upah Ahmad memotong getah itu, ada-kah saya ini boleh eligible menjadi farmer atau pun Ahmad yang memotong getah saya itu menjadi farmer, atau pun kedua² mereka itu menjadi ahli farmer yang boleh masok di-dalam ma'ana farmer itu.

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, kedua² itu boleh menjadi ahli.

Question put, and agreed to.

Clauses 1 to 11 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Clauses 12 to 32 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

THE NAVY (AMENDMENT) BILL

Second Reading

Tan Sri T. H. Tan: Mr President, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to amend the Navy Ordinance, 1958" be now read a second time.

Dato' Y. T. Lee: Mr President, Sir, I beg to second the motion.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya dukachita pada hari sa-malam ada dua pertanyaan² terhadap Rang Undang² ini yang telah di-kemukakan oleh Ahli² Yang Berhormat yang tidak dapat jawapan. Pehak Kementerian saya, Kementerian Pertahanan, tidak-lah memikirkan Rang Undang² yang pendek, yang terang bagini boleh menimbulkan soalan² di-Dewan ini yang tidak boleh dapat di-jawab.

Akan tetapi, pada pagi ini, saya sukachita hadhir di-sini sendiri supaya dapat menjawab apa juga pertanyaan yang di-kehendaki di-dalam Rang Undang² ini. Saya telah di-beri tahu ada-lah dua pertanyaan yang di-kemukakan sa-malam ia-itu satu daripada Yang Berhormat Senator Samad Osman yang bertanya bahawa jikalau sa-orang ahli tentera laut itu di-tukar kapada perkhidmatan yang lain, apa akan terjadi kapada perkhidmatan yang lama itu? Perkara ini terang dan nyata, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pertukaran sa-saorang ahli Pasokan—tentera itu ada-lah di-perbuat dengan persetujuan-nya sendiri dan apa bila dia bertukar, tenru-lah perkhidmatan yang lama itu maseh di-kekalkan lagi dan dia akan terus menjalankan perkhidmatan dengan perkhidmatan yang lama itu di-terima sa-bagai perkhidmatan-nya sendiri.

Soal yang kedua daripada yang Berhormat Senator Dato' Cheah Toon Lok yang bertanya bahawa jikalau sa-orang Ahli tentera itu di-tukar daripada satu perkhidmatan kapada perkhidmatan yang lain kata-nya that means the promotion or demotion.

Dalam perkhidmatan tentera, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada demotion, melainkan orang itu buat salah—melanggar discipline baru-lah ada demotion—tidak ada demotion. Jadi kalau sa-saorang itu bertukar daripada satu perkhidmatan kepada perkhidmatan yang lain, biasa-nya pangkat-nya ada-lah sama. Ada satu sahaja contoh barangkali kalau hendak di-sifatkan demotion, kalau satu pegawai itu memangku jawatan yang tinggi daripada pangkat yang ada pada-nya, dan di-fikirkan telah beberapa bulan, atau tahun yang dia itu memegang jawatan itu di-fikirkan tak layak memegang jawatan itu dia barangkali akan di-hantar balek memegang jawatan yang lama. Ini ada-lah berlaku, tetapi ini bukan-lah demotion. Jadi dalam tentera hanya-lah ada promotion, tidak ada demotion, melainkan buat salah.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr President *in the Chair*)

Clauses 1 to 12 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

THE MALAY REGIMENT (AMENDMENT) BILL

Second Reading

Tan Sri T. H. Tan: Mr President, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to amend the Malay Regiment Enactment (F.M.S. Cap. 42)" be now read a second time.

Dato' Y. T. Lee: Sir, I beg to second the motion.

Tuan Awang Daud Matusin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di-sini ada-lah menyokong penoh di-atas Rang Undang-undang Ashkar Melayu yang sedang di-bahathkan di-hadapan kita ini. Dan di-sa'at ini juga saya hendak berchakap sedikit di-atas perkara yang ada per-kaitan-nya dengan pasokan Ashkar Melayu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pandangan saya mengenai pasokan keselamatan yang bertugas di-Malaysia Timor, khas-nya yang ada di-Sarawak, bagi keseluruhannya baik pasokan Askar Melayu, mahu pun pasokan yang lain ada-lah mendapat—ada-lah patut mendapat tahniah dan kepujian di-atas khidmat mereka yang berjaya dan memuaskan, semenjak daripada masa negara kita ini menghadapi konfrantasi dahulu, sa-hinggalah telah tamat-nya konfrantasi di-masa yang akhir ini. Tetapi tugas yang mereka telah jalankan ka-seluruh bahagian Malaysia bagi tujuan hendak membasmi dan membersekan musuh dari kominis dalam negeri juga berjalan dengan lancar dan chemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menerangkan di-sini bahawa tugas yang saya katakan tadi yang telah di-buatkan oleh pasokan keselamatan kita di-Sarawak, khas-nya dari pehak Askar Melayu saperti yang telah saya katakan tadi, ada-lah boleh di-katakan patut mendapat pujian dan tahniah, kerana di-samping tugas dan kewajipan yang di-pertanggung jawabkan kepada mereka, pasokan ini juga banyak memberi pertolongan dan bantuan dengan sa-chara sukarela yang di-luar dari tanggung jawab mereka sabagai pasokan keselamatan, menjaga keselamatan dari pencheroboh, pengkhianat dan musuh dari luar dan dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga sebutkan di-sini satu daripada pertolongan dan khidmat yang sangat bermutu dan tidak akan di-lupakan oleh ra'ayat Sarawak, khas-nya penduduk Kuching dari golongan orang Melayu. Ia itu pertolongan Ashkar Melayu ini meruntuhkan Masjid Besar Kuching yang telah di-langsungkan pada 5 hari-bulan February tahun 1967 dengan sa-chara sukarela. Pada hal-nya sa-kira ini di-buat oleh pemborong yang mengambil upah, maka sudah tentu akan menelan belajau berpuluh ribu ringgit. Oleh itu bagi pehak ra'ayat negeri Sarawak, kita ada-lah merasa terhutong budi dan menerima kaseh di-atas pertolongan yang ikhlas dari pasokan keselamatan, khas-nya Askar Melayu yang telah saya sebutkan di-atas tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam saya menyatakan segala kebaikan² dan kechermelangan pasokan² tersebut di-sini, saya juga suka pula memberi tegoran yang membena ia-itu berhubung dengan disiplin dan adab dalam pergaulan di-antara Askar² Melayu ini dengan penduduk² tempatan maseh ternampak rupa² kurang kemeseraan dan ada tanda² yang tidak memuaskan dari kelakuan ahli² Askar Melayu yang bertempat di-Kuching khas-nya.

Tuan Yang di-Pertua, ini sunggoh pun, saya banyak mendengar dari sungutan² daripada penduduk² tempatan dan juga saya sendiri pernah nampak sendiri kelakuan² yang kurang manis dan kurang baik itu di-lakukan oleh Askar² Melayu di-hadapan mata saya sendiri, akan tetapi demi kepentingan perpaduan dan memelihara nama baik sa-sama bangsa kita Melayu maka tidak-lah saya hendak menyebut perkara² yang tidak baik itu di-hadapan Dewan yang muha ini, kerana saya takut saperti kata² perumpamaan menampar ayer di-dulang terperchek ka-muka sendiri. Hanya saya berharap Kementerian yang berkenaan akan berusaha memperbaiki bagi akhlak atau disiplin Askar² Melayu khas-nya yang bertugas di-Sarawak. agar suchi dan berseh-lah nama baik dan kechemerlang pasokan Askar Melayu yang bertugas yang saya sebutkan di-atas ini supaya terhindar-lah pertelingkahan yang tidak di-ingini yang harus boleh berlaku jika perkara ini tidak di-perbaiki. Sekian-lah, terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kaseh kepada Ahli Yang Berhormat yang baru berchakap tadi di-atas perkataan² yang telah di-sebutkan berkenaan dengan perkhidmatan tentera kita di-Malaysia Timor terutama Askar Melayu di-Raja. Pehak saya sendiri berasa sangat puas hati di-atas perkhidmatan yang sedang di-jalankan oleh tentera² kita di-wilayah Malaysia Timor sa-telah mereka itu mengambil aleh tempat² yang di-kongsongkan oleh tentera Commonwealth dahulu.

Saya berbesar hati mendengarkan perasaan² yang di-datangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-itu perkhidmatan tentera kita ada-lah di-sambut

baik oleh penduduk² Malaysia Timor dan di-pandang tinggi oleh mereka itu. Kerana pada masa yang lampau adalah sa-bahagian pehak² yang chuba hendak mendatangkan tudohan² yang tak berpatutan terhadap tentera kita. Akan tetapi, saya sendiri mengetahu² bahawa ahli² tentera kita ada-lah satu dua orang yang barangkali tidak menjalankan kewajipan-nya dengan begitu memuaskan hati atau pun disipline-nya tidak begitu baik, atau pun kemeseraan-nya tak begitu baik terhadap penduduk² di-sa-tengah² tempat di-wilayah Malaysia Timor itu. Bagi pehak Kementerian Pertahanan akan mengambil apa juga langkah yang patut untuk menjaga tata tertib ahli² pasokan kita. Ahli² tentera kita telah mendapat nama yang baik di-mana sahaja mereka itu berkhidmat, baik dalam negeri atau pun di-seberang laut. Pada masa berkhidmat di-Congo dahulu tentera kita mendapat nama baik saperti tentera² lain di-negeri² lain di-dunia.

Jadi, saya berharap satu dua perkara yang berlaku yang barangkali tidak begitu manis di-pandang dan tidak begitu di-ingini, saya harap dapat diberi tahu kepada ketua tentera kita di-Malaysia Timor. Kita ada mempunyai pegawai tinggi di-sana ia-itu Major-General yang bertanggung jawab bagi menjaga tentera² kita di-Malaysia Timor.

Sunggoh pun begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak² terima kaseh di-atas perkataan² yang di-beri oleh Ahli Yang Berhormat tadi di-atas kerjasama dan sokongan dan pandangan yang sempurna yang di-beri oleh penduduk² di-Malaysia Timor terhadap tentera kita yang menjalankan perkhidmatan-nya di-situ. Saya telah memberi arahan kepada tentera² kita supaya sambil mereka ini menjalankan tugas mempertahankan negara kita, menjaga keselamatan di-sempadan anantara Malaysia dengan Indonesia, mereka itu mustahak-lah memberi pertolongan kepada ra'ayat di-Malaysia Timor dalam lapangan pembangunan dan juga dalam lapangan² yang di-fikirkan patut, kerana mereka itu mustahak-lah menjalankan perkhidmatan supaya mereka itu boleh di-sifatkan oleh semua pehak sa-bagai

tentera kebangsaan yang sa-benar²-nya. Jadi, saya sukachita mendengarkan yang perkhidmatan² itu ada berjalan dengan baik dan sambutan dan diterima dengan baik oleh penduduk² di-Malaysia Timor.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr President *in the Chair*)

Clauses 1 to 9 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

THE AIR FORCE (AMENDMENT) BILL

Second Reading

Tan Sri T. H. Tan: Mr President, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to amend the Air Force Ordinance, 1958" be now read a second time.

Dato' Y. T. Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

(Mr President *in the Chair*)

Clauses 1 to 6 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

THE AIR FORCE VOLUNTEER RESERVE (AMENDMENT) BILL

Second Reading

Tan Sri T. H. Tan: Mr President, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to amend the Air Force Volunteer Reserve Ordinance, 1958" be now read a second time.

Dato' Y. T. Lee: Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr President *in the Chair*)

Clauses 1 to 7 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

THE NAVAL VOLUNTEER RESERVE (AMENDMENT) BILL

Second Reading

Tan Sri T. H. Tan: Mr President, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to amend the Naval Volunteer Reserve Ordinance, 1958" be now read a second time.

Dato' Y. T. Lee: Sir, I beg to second the motion.

Quest'on put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr President *in the Chair*)

Clauses 1 to 7 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

THE TERRITORIAL ARMY (AMENDMENT) BILL

Second Reading

Tan Sri T. H. Tan: Mr President, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to amend the Territorial Army Ordinance, 1958" be now read a second time.

Dato' Y. T. Lee: Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr President *in the Chair*)

Clauses 1 to 11 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

THE NATIONAL LANGUAGE BILL

Second Reading

Tan Sri T. H. Tan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan ia-itu Rang Undang² Bahasa Kebangsaan 1967 di-bachakan kali kedua sekarang.

Dato' Y. T. Lee: Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin memberi penerangan berkenaan dengan Rang Undang² Bahasa Kebangsaan yang di-bentangkan di-hadapan Dewan ini pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Rang Undang² ini di-ishtiharkan, di-binchangkan di-Dewan Ra'ayat, berbagai² pandangan telah di-kemukakan dan pehak Kerajaan sangat sukachita bahawa sa-bahagian besar daripada penduduk² di-negara Malaysia ini daripada berbilang bangsa telah menerima Rang Undang² ini dengan baik. Sunggoh pun bagitu ada-lah sa-bahagian kechil yang chuba hendak gunakan Rang Undang² ini sama ada untuk kepentingan diri mereka itu atau pun untuk kepentingan parti mereka itu.

Akan tetapi sa-bahagian besar daripada penduduk² negara ini, baik di-bandar atau di-kampong², ada-lah faham bahawa butir² yang terkandung di-dalam Rang Undang² ini ada-lah meliputi kehendak² Kerajaan yang sabenar-nya dan meliputi kehendak² Perlembagaan negara kita yang di-sediakan pada masa kita menchapai kemerdekaan dahulu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tujuan yang pertama Rang Undang² ini ia-lah hendak menjadikan bahasa Melayu yang telah di-tentukan menjadi bahasa kebangsaan itu bahasa rasmi yang tunggal di-negara kita ini.

Menurut Perlembagaan yang ada sekarang ini, menurut Fasal 152, sunggoh pun bahasa kebangsaan telah di-jadikan bahasa rasmi dalam Perlembagaan ini, akan tetapi Perlembagaan ini ada-lah membolehkan bahasa Inggeris di-gunakan sa-bagai satu bahasa rasmi pada masa 10 tahun daripada masa tempoh 10 tahun daripada tarikh kemerdekaan negara kita dan boleh di-teruskan penggunaannya, melainkan jika pehak Parlimen—Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat meluluskan satu undang² yang lain.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini berma'ana jikalau tidak di-adakan undang² saperti yang di-bentangkan di-hadapan Dewan ini, tidak dapat tiada sa-lepas daripada 31 haribulan Ogos tahun ini bahasa Inggeris akan terus berjalan kuat kuasa-nya sa-bagai bahasa rasmi di-negara kita ini dan boleh di-gunakan sa-bagai bahasa rasmi di-negara kita ini. Jadi, dengan sebab itu pehak Kerajaan telah mengambil langkah mengadakan Rang Undang² ini dan Fasal 2 dalam Rang Undang² ini ada-lah tegas menentukan yang bahasa kebangsaan itu di-jadikan bahasa rasmi yang tunggal ia-itu di-gunakan bagi penggunaan² rasmi. Ada sa-tengah pehak yang mengatakan sebab tidak ada perkataan "tunggal" itu, ini berma'ana bahasa kebangsaan belum menjadi bahasa rasmi yang tunggal.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini terpaksa di-tulis mengikut chara kita menulis undang². Jadi, chara menulis undang² ia-lah saperti yang terkandung dalam Fasal 2 itu ia-itu bahasa kebangsaan itu mesti-lah di-gunakan kerana semua urusan² rasmi. Jadi, meliputi semua urusan² rasmi dan bahasa Inggeris jatuh-lah taraf dan kedudukannya sa-bagai bahasa rasmi dengan undang² ini, melainkan menurut apa juga yang di-kechualikan di-dalam Rang Undang² ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 menerangkan bahawa Rang Undang² ini tidak menyentoh hak atau kuasa yang ada di-dalam tangan Kerajaan Pusat atau pun Kerajaan Negeri menggunakan terjemahan atau sural² rasmi atau pun perhubungan² rasmi dalam bahasa² lain.

Fasal 3 ini di-masokkan dalam Rang Undang² ini ada-lah menurut Fasal 152 (I) (a) dan (b) dalam Perlembagaan kita ia-itu Fasal (a) dan (b)—(I) (a) dan (b) itu ada memberi perlindungan yang tegas kepada penggunaan bahasa² lain sa-lain daripada penggunaan chara rasmi. Dan Fasal 152 (I) (b) ada menyebutkan ia-itu Kerajaan Pusat—Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan² Negeri—ada mempunyai hak untuk mengekalkan dan memelihara penggunaan, pengajaran dan pelajaran bahasa lain. Jadi, kuat kuasa yang ada pada Fasal 152 (I) (a) dan (b) ini tetap berada dalam Perlembagaan dan tidak boleh di-pinda, di-sentuh atau di-hapuskan melainkan dengan Perlembagaan itu di-pinda dan pehak Kerajaan telah memberi akuan bahawa kita ada-lah bersetuju memelihara, melindungi kedudukan bahasa² lain untuk di-pergunakan dan juga di-pelajari sa-lain daripada penggunaan chara rasmi. Dan telah di-terangkan juga bahawa Fasal 3 ini hanya-lah memberi hak, atau pun mengekalkan hak yang ada daripada Kerajaan² Negeri dan Kerajaan Pusat dan kuasa bagi menterjemahkan satu² naskhah, atau pun surat itu ia-lah ter-pulang-lah kepada Kerajaan Negeri atau pun Kerajaan Persekutuan dan siapa² pun tidak boleh menuntut hak itu. Dan terjemahan hanya-lah di-perbuat jika di-fikirkan mustahak bagi kepentingan 'awam dan juga jika di-fikirkan mustahak perkara² atau pun urusan² Kerajaan itu di-beritahu kepada pehak² yang tidak begitu faham dalam bahasa kebangsaan.

Fasal 3 ini tidak ada-lah ma'ana yang lain, ini-lah di-terangkan dan tidak boleh memberi taraf rasmi kepada bahasa² lain dan tidak boleh di-beri taraf yang di-katakan multi-lingualism, atau pun semi-multi-lingualism dan ini telah di-tegaskan oleh Yang Berhormat Enche² Tan Siew Sin sa-bagai Yang di-Pertua M.C.A. dan Tan Sri Sambanthan sa-bagai Yang di-Pertua M.I.C. ia-itu mewakili kaum² yang keturunan lain daripada orang² Melayu yang mereka itu tidak akan menggunakan Fasal 3 ini untuk hendak menuntut yang bahasa² Tamil atau bahasa China itu di-berikan taraf rasmi atau di-beri

taraf multi-lingualism atau semi-multi-lingualism. Jadi, Fasal 3 ini hanya-lah membolehkan Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat menterjemah mana² juga naskhah² Kerajaan yang di-fikirkan mustahak untuk kegunaan 'awam.

Saperti saya kata tadi hak atau pun kuasa memang ada pada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri saperti yang terkandung dalam Perlembagaan negara kita. Jadi, tidak ada sebabnya yang mana² pehak berasa tidak puas hati dan tidak faham dan ragu² di-atas Fasal 3 ini. Saya kata Fasal 3 ini terang dan tidak ada-lah di-sebut lebeh daripada yang ada sekarang ini yang terkandung di-dalam Perlembagaan kita. Dan dalam huraian² yang di-beri kepada Rang Undang² ini ada menyebutkan ia-itu penggunaan terjemahan ini di-jalankan ia-lah menurut yang ada sekarang sa-bagaimana yang di-jalankan sekarang ini, ia-itu semenjak kita mencapai kemerdekaan, penggunaan bahasa² lain itu telah pun di-perluaskan dengan pehak Kerajaan memberi pertolongan dan bantuan kepada sekolah² yang mengajarkan, yang menggunakan bahasa China dan bahasa Tamil sa-bagai bahasa² pengantar dan ada memberi pertolongan² yang lain.

Jadi, Fasal 3 ini, saya kata membolehkan penggunaan yang luas saperti yang ada sekarang ini dan tidak-lah lebeh daripada yang ada sekarang ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saperti yang telah di-terangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di-Dewan Ra'ayat, mana² pehak ta' boleh menuntut yang Fasal 3 ini di-gunakan untuk kehendak² mereka itu melainkan hanya-lah ada daripada Kerajaan dan Kerajaan-lah boleh menentukan sama ada terjemahan itu mustahak di-perbuat atau pun tidak.

Fasal 4 dalam Rang Undang² ini ia-lah membolehkan bahasa Inggeris di-gunakan untuk maksud² rasmi ditempat² yang di-fikirkan mustahak. Ini, Tuan Yang di-Pertua, fasal ini mustahak di-sebabkan dalam urusan² Kerajaan itu terutama sa-kali dalam lapangan undang² dan lapangan mahkamah. Kita belum ada lagi peguam², atau pakar² yang boleh menyediakan

undang² dalam bahasa kebangsaan, melainkan undang² yang senang, yang pendek, tetapi kebanyakan undang² di-negara kita ini ada-lah dalam bahasa Inggeris dan kebanyakan-nya belum pun lagi dapat di-terjemahkan ka-dalam bahasa kebangsaan. Saya sendiri pun ada berlateh dalam hal undang² ini dan sungguh pun tahu undang² dalam bahasa Inggeris—sebab berlateh dalam bahasa Inggeris, tetapi ta' boleh hendak menyediakan undang² dalam bahasa kebangsaan, kerana kalau hendak menyediakan undang² dan menggubal undang² dalam bahasa kebangsaan, sa-saorang itu bukan sahaja mustahak mengetahui undang², mempunyai pengetahuan dalam lapangan undang², bahkan mustahak juga mempunyai pengetahuan dalam bahasa kebangsaan yang chukup yang bo'eh di-gunakan untuk menggubal undang².

Jadi, di-sebabkan, memandangkan keadaan yang ada sekarang ini dan dengan tujuan supaya pentadbiran negara kita ini tidak tersekat dan tidak rosak di-sebabkan kalau ta' ada Fasal 4 ini bahasa Inggeris ta' boleh di-gunakan langsung di-mana² pejabat dan dalam mahkamah dan sa-bagai-nya, jadi ini-lah di-tarohkan Fasal 4 ini ia-itu, bagi sementara, kuasa di-beri kepada Kerajaan menentukan mana² tempat yang bahasa Inggeris boleh digunakan bagi sementara dan seperti yang telah di-terangkan ia-itu Kerajaan pada masa yang lalu telah mengambil langkah² untuk membesar, meluaskan dan memperkayakan bahasa kebangsaan supaya menjadi bahasa rasmi yang sa-benar²-nya di-negara kita ini dan usaha² ini akan di-teruskan, bahkan akan di-perhebatkan lagi sa-lepas Rang Undang² ini berjalan kuat-kuasa pada 1 haribulan September, tahun ini. Jadi, hanya-lah bagi sementara kita membenarkan penggunaan bahasa²—bahasa Inggeris itu dan saya berharap pegawai² Kerajaan terutama sa-kali akan menggunakan bahasa kebangsaan dengan lebeh luas lagi dan begitu jugalah ra'ayat negeri ini yang telah menerima bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi itu akan menggunakan bahasa kebangsaan itu dengan lebeh luas lagi dalam semua lapangan urusan

di-negara kita ini. Jadi, nyata-lah sungguh pun ada Fasal 3 atau 4 ini, ini tidak sa-kali² menyekat perkembangan bahasa kebangsaan, bahkan seperti yang saya katakan tadi, Kerajaan akan memperhebatkan lagi penggunaan bahasa kebangsaan ini dan di-harap bahasa kebangsaan akan di-beri nilai yang sempurna, nilai iktisad dan nilai dalam lapangan yang lain supaya, seperti yang saya katakan tadi, bahasa kebangsaan ini dapat mempunyai tempat dan kedudukan yang sa-benar²-nya seperti yang kita kehendaki sa-bagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, yang tunggal di-negara kita ini.

Fasal 5. Tuan Yang di-Pertua, adalah memberi kuasa kepada Yang di-Pertua Dewan ini, Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat dan Yang di-Pertua Dewan² Negeri membenarkan siapa² juga Ahli² Dewan² itu berchakap dalam bahasa Inggeris sa-lain daripada bahasa kebangsaan, jikalau di-fikirkan mustahak, dan fasal ini terutama sa-kali mengechualikan ahli² dari Malaysia Timor kerana menurut Perlembagaan kita soal bahasa Inggeris itu di-taniatkan daripada menjadi bahasa rasmi di-wilayah Malaysia Timor itu hanya-lah boleh di-timbangan sa-lepas 10 tahun daripada Malaysia Day ia-itu pada tahun 1973. Jadi, nyata-lah sa-hingga tarikh itu mustahak-lah kita membenarkan ahli² dari Sabah dan Sarawak menggunakan bahasa rasmi di-Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat, jikalau mereka itu kehendaki.

Saya suka menerangkan di-sini bahawa, Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun rakan² kita Ahli² Yang Berhormat keturunan daripada orang² China dan orang² India dan bangsa² lain telah belajar bahasa kebangsaan dan telah mengetahui sedikit sa-banyak bahasa ini, tetapi barangkali dalam lapangan² yang mustahak bagi hendak menerangkan undang² umpama-nya dan hendak menerangkan dasar Kerajaan yang penting dalam lapangan technical umpama-nya dalam lapangan iktisad dan sa-bagai-nya mereka itu ta' begitu faseh dalam bahasa kebangsaan dan jikalau mereka itu tidak dapat menerangkan hasrat mereka itu dengan

sa-jelas²-nya, dengan terang-nya, neschaya democracy yang kita amalkan ini ta' dapat berjalan dengan memuaskan hati dan bagitu juga-lah pada Menteri² jikalau satu urusan Kerajaan, atau dasar Kerajaan yang penting ta' dapat di-terangkan dengan sempurna kepada Dewan Ra'ayat atau Dewan Negara ini neschaya Ahli² Yang Berhormat ta' mendapat fahaman yang sa-benar-nya kepada dasar Kerajaan itu. Jadi, ini-lah di-adakan fasal ini bagi sementara. Saya tahu Ahli² Yang Berhormat semua telah menerima bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi itu ada-lah mempelajari bahasa ini, tetapi sa-tengah² sudah tua, barangkali sungoh pun hasrat ada, tetapi kekuatan barangkali sudah kurang, otak pun ta' bagitu tajam boleh menerima perkataan² yang baharu, atau pun mempelajari bahasa yang baharu. Jadi, diperchayai mereka itu tentu-lah ta' boleh faham atau faseh dalam bahasa kebangsaan dan membolehkan mereka itu beruchap dalam bahasa kebangsaan dalam perkara² yang penting.

Fasal 6 ada-lah menentukan ia-itu naskhah² undang² hendak-lah di-adakan dalam dua bahasa, bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan-lah, naskhah bahasa kebangsaan-lah yang mempunyai kuat-kuasa atau dalam bahasa Inggeris authoritative text, melainkan Yang di-Pertuan Agong mengechualikan syarat ini.

Di-sini saperti saya terangkan tadi di-sebabkan kita belum lagi ada pakar² yang boleh menyediakan undang² dalam bahasa kebangsaan, terpaksa-lah kita adakan undang² dalam dua bahasa—bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi dan bagi permulaan ini barangkali naskhah berkuat-kuasa, atau authoritative pada undang² yang mudah², barangkali boleh-lah bahasa kebangsaan satu dua undang², tetapi kebanyakan-nya terpaksa-lah naskhah yang authoritative itu maseh di-pakai dalam bahasa Inggeris, sebab saya kata tadi tidak ada pakar² yang boleh menggubal undang² dalam bahasa kebangsaan. Jadi, ini mustahak di-adakan syarat ini saperti saya katakan tadi kalau tidak tentu lah ta' dapat kita

hendak menjalankan pentadbiran negara kita terutama sa-kali dalam lapangan undang² dan mahkamah dan ini akan mengechewakan perjalanan dan kemajuan negara kita.

Fasal 8 ada-lah membolehkan bahasa dalam mahkamah ia-itu digunakan dalam dua bahasa, bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris. Dan proviso atau syarat kepada Fasal ini telah pun di-pinda dalam Dewan Ra'ayat, sebab kalau tidak di-pinda menurut Rang Undang² yang mula² di-istiharkan dahulu, di-dalam mahkamah boleh di-gunakan dua bahasa—bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris. Dan ta' boleh di-gunakan satu bahasa sahaja melainkan mahkamah dan peguam bagi kedua² pihak dapat persetujuan. Jadi pihak peguam² telah memikirkan syarat ini akan menyusahkan perjalanan mahkamah, jadi telah di-persetujukan di-pinda, supaya kuasa menentukan sama ada hendak pakai dua bahasa atau satu bahasa dalam perjalanan mahkamah itu, terpulangleh kepada hakim atau magistrate menentukan menurut dasar keadilan dalam bahasa Inggeris-nya in the interest of justice. Jadi ini tentu-lah lebeh menasabah lagi supaya hakim atau pun magistrate dapat menimbang perkara ini dan dengan demikian itu boleh dapat-lah persetujuan. Jadi ini boleh-lah menyenangkan perjalanan di-mahkamah pada masa permulaan ini, kerana kebanyakan pihak peguam² termasuk-lah daripada orang Melayu tentu-lah belum lagi dapat hendak menjalankan proceeding dalam mahkamah dengan menggunakan sa-penoh² bahasa kebangsaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saperti saya katakan tadi tujuan Rang Undang² ini ia-lah hendak menjalankan kehendak² Perlembagaan, Fasal 152 dan Rang Undang² ini telah pun diterima baik daripada semua pihak, melainkan saya katakan tadi, ada-lah sa-bahagian yang kechil. Dahulu-nya ada bahagian yang bagitu ta' faham, tetapi sa-lepas di-terangkan perkara ini, mereka itu faham. Pihak Ahli² cherdek-pandai pun daripada orang Melayu telah datang berjumpa dengan saya di-atas hal ini, dan saya telah

beri keterangan dengan jelas-nya bahawa tujuan kita yang muktamad ialah hendak menjadikan bahasa kebangsaan bahasa rasmi yang tunggal di-negara kita ini yang sa-benar-nya mempunyai tempat dan kedudukan yang sempurna. Akan tetapi bagi sementara ini terpaksa-lah kita adakan Fasal² yang saya sebutkan tadi—Fasal 4 terutama-nya 5, 6 dan 7 itu. Jadi, ini bukan-lah salah daripada mana² pehak, kerana saya kata kita ta' ada mempunyai pakar² yang boleh mengadakan undang² dan juga boleh mengadakan buku² teknik dalam bahasa kebangsaan, dan saya berharap dan saya berseru kepada ahli² cherdik-pandai supaya menggunakan usaha² mereka itu, tenaga mereka itu, kepandaian mereka itu bagi menterjemahkan buku² dalam bahasa kebangsaan, mengarang buku² dalam bahasa kebangsaan, mengadakan buku undang² dalam bahasa kebangsaan supaya dengan itu bahasa kebangsaan kita dapat di-gunakan dengan lebeh luas lagi seperti yang kita kehendaki.

Ada-lah pehak yang kecil, yang saya katakan tadi chuba hendak menggunakan hal bahasa ini untuk kepentingan mereka itu, dan ada-lah pehak parti Pembangkang yang ta' ada modal lain lagi sudah gunakan soal bahasa kebangsaan ini hendak mengelirukan fikiran ra'ayat. Ini tentulah, hanya ta' sampai ka-mana pada fikiran saya, ta' dapat tiada-lah dalam pehak parti yang ta' ada modal itu dia chari-lah apa juga yang boleh. Tetapi diri saya mustahak-lah terangkan di-sini, bahawa jangan-lah mana² pehak gunakan masalah bahasa ini dengan menimbulkan perasaan salah faham di-antara penduduk² negeri ini yang boleh mengancam keselamatan di-negara kita. Mereka yang membuat sa-macam itu mesti-lah bertanggung jawab di-atas apa juga perkara yang berlaku di-negeri kita ini. Dan pehak Kerajaan tidak akan membiarkan perkara yang sa-macam itu berlaku untuk mengancam keamanan di-negara kita. Kalau ta' ada modal langsung, chari-lah apa yang lain—ta' usah-lah gunakan hal ini, sebab ra'ayat faham atas hal ini, dan ra'ayat tahu

apa yang sa-benar-nya, dan pehak Kerajaan akan memberi keterangan dengan lanjut atas hal ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi nyata-lah sa-bahagian besar ra'ayat negeri ini ada-lah menerima dengan baik Rang Undang² ini. Seperti kata Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri di-Dewan Ra'ayat, jalan untuk hendak melaksanakan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal di-negara kita ada-lah dua jalan terbuka kepada Kerajaan—satu, dengan chara kekerasan dengan mengambil langkah dengan serta-merta gunakan bahasa kebangsaan ini sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal dan sa-benar-nya—ini akan merosakkan pentadbiran, ini akan menimbulkan perasaan² salah faham di-antara penduduk² di-negeri ini, dan ini tidak akan membawa kepada keamanan dan tidak akan dapat menghasilkan chita² kita yang sa-benar-nya. Jalan yang kedua ada-lah jalan yang dibuat oleh Kerajaan—jalan yang baik, jalan yang boleh di-terima oleh semua pehak, jalan yang kita bertimbang-rasa kepada semua pehak. Kita mesti-lah ingat bahawa di-negara kita ini ada penduduk² daripada keturunan lain daripada orang² Melayu yang telah pun menjadi warga-negara di-negara kita yang mempunyai hak yang tertentu di-negara kita, dan mereka itu telah bersama² dengan kita menuntut kemerdekaan negara kita ini, dan mustahak-lah sedikit sa-banyak kita bertimbang-rasa kepada mereka itu supaya dengan itu dapat kita bersama² maju ka-hadapan supaya dengan itu dapat kita mengekalkan keamanan dan ketenteraman di-negara kita yang di-kasehi ini.

Jadi, dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Rang Undang² ini dapat di-terima dengan baik oleh Dewan Negara, terima kaseh. (*Tepok*).

Dato' J. E. S. Crawford: Dato' President, Dato', I rise to support freely and fully the National Language Bill now being debated by this Honourable House.

Dato' President, Dato', having started life in Malaya, when a very young man many, many years ago, as what one might describe as a "colonial chick", but after a very long residence in this our now independent country, I hope, I have become a reasonably wise, I trust, old Malaysian bird; and I can assure, Sir, our Government, and all Honourable Members of this House, that I can find nothing whatsoever in this Bill to ruffle my feathers or in fact the feathers of any other true Malaysian.

In conclusion, Dato' President, Dato', I would like to sincerely congratulate our Tunku, the Honourable Prime Minister, and all his Cabinet colleagues on producing what I can only describe as the finest piece of "classical commonsense" which it has been my privilege and pleasure to study, that is the National Language Bill, which I support from the bottom of my heart.

Finally, Sir, I hope soon to be addressing this Honourable House in Bahasa Kebangsaan as soon as my mentor, the Honourable Senator Nik Hassan, passes me as fit for my first public appearance. Thank you, Sir.

Tan Sri G. Shelley: Mr President, Sir, as a member of the Eurasian community of Malaya, I fully accept and heartily support the National Language Bill. It is a logical and natural development, stemming from the provisions of the country's Constitution, which was adopted without a single dissenting vote by the Federal Legislative Council at its final meeting in 1957. The relevant clause in the Constitution embodying the provisions of the National Language is today in its identical form and wording as it was when it was passed in 1957. It was my privilege to add a vote of assent in the passing of the Constitution introduced by the Alliance Government which was at that time in office under the leadership of the illustrious Tunku.

The Bill before the Senate stems from Article 152 of the Constitution and does not in any way whatsoever deviate from the spirit and the intention of Article 152. Since the adoption of the

Constitution ten years ago, no individual or any Opposition party has made any attempt in Parliament to modify or amend Article 152. The opposition to the Bill now amazes me.

Bahasa Kebangsaan and Bahasa Indonesia are very similar and inter-related. The two languages are being used by more than 120 million people in and around Malaysia. When this aspect is considered, the importance of Bahasa Kebangsaan should be abundantly clear to each and every citizen of Malaya. The small Eurasian community in Malaya realised this when leaders of the community met in Kuala Lumpur about ten years ago and decided to assist and encourage the learning of the language. Today I am happy to say that among the best qualified teachers of Bahasa Kebangsaan are members of my community. I was in Australia two months ago, when I observed a keen interest to learn Bahasa Indonesia in schools and colleges. In Adelaide, an Eurasian girl teaches Bahasa Kebangsaan in a high school there. While the knowledge of English and other foreign languages are desirable, our young men and women will have to realise that Bahasa Kebangsaan and its counterpart, Bahasa Indonesia, very soon will be the common vehicle of communication in commercial houses in Malaysia. In business there are no sentiments and businessmen will soon be exploiting the markets of Malaysia and Indonesia to sell their goods in this enormous concentration in this corner of the world of 120 million potential buyers and consumers.

Sir, I heartily support this Bill. *(Applause)*.

Tan Sri T. H. Tan: Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya tidak ada sa-orang pun yang menganggap diri-nya sa-orang Malaysia jati yang akan mengecham Act ini. Saya maseh ingat lagi masa berunding di-London berkenaan kemerdekaan Tanah Melayu dalam tahun 1954 dan 1956 satu soalan telah timbul ia-itu apa-kah bahasa yang patut di-jadikan bahasa kebangsaan negeri kita ini. Pada masa itu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul

Rahman dan rakan²-nya telah menimbangkan soalan itu dengan teliti dan kemudian mengambil keputusan ia-itu bahasa Melayu patut di-jadikan bahasa negeri kita ini. Ada beberapa sebab di-sebalek keputusan ini dan saya berasa mustahak menyebutkan di-sini satu daripada sebab² itu.

Tunku dan rakan²-nya pilih bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan kita oleh kerana ia-lah bahasa yang telah di-gunakan oleh penduduk² di-negeri ini beratus² tahun sa-belum orang² Inggeris, Belanda, Portugal dan China tiba di-sini. Ini-lah satu daripada sebab²-nya yang telah mendorong Parti Perikatan menerima bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan dengan menghormati kedudukan istimewa orang² Melayu dalam negeri ini, tambahan pula bahasa Melayu ada-lah satu bahasa yang senang di-pelajari. Di-sini saya suka merayu kepada orang² Melayu dan meminta mereka bersadar dan memberi peluang kepada orang² Malaysia yang bukan keturunan Melayu menggunakan bahasa kebangsaan, sebab ada di-antara mereka itu yang telah meningkat umur-nya dan terpaksa-lah mengambil masa yang panjang untuk mempelajari bahasa kebangsaan. Saya perchaya tidak lama lagi orang² Malaysia akan menjadi bijak dalam bahasa kebangsaan dan mereka boleh menggunakan-nya dengan senang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi pujian² yang penoh kepada Kerajaan Perikatan kerana memasokkan Fasal 3 yang ada di-dalam Act Bahasa Kebangsaan yang ada di-hadapan Dewan ini. Oleh sebab ini lebeh daripada sa-tengah penduduk² negeri Malaysia berasa senang hati. Pada masa yang lampau mereka berasa bimbang apa yang akan berlaku jikalau Kerajaan tidak membenarkan mereka menggunakan bahasa² lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya sokong dengan sa-penoh-nya Act Bahasa Kebangsaan ini dan minta ma'af jikalau bahasa kebangsaan saya kurang baik (*Tepok*).

Wan Mustapha bin Haji Wan Ali:
Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya datang ka-Dewan ini daripada Kelan-

tan lagi, saya sudah menggunting segala surat² khabar termasuk *Utusan Melayu* dan *Straits Times* butir² yang di-lempar oleh ra'ayat di-negeri ini yang tidak bersetuju di-atas Rang Undang² yang di-bentangkan pada pagi ini; dan dengan terus terang saya akan menentang Bill ini, bukan kerana saya daripada Parti Pembangkang, ia-itu Parti PAS, tetapi sa-bagai anak Melayu, dan saya harap Kerajaan atau pun Menteri, termasuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, jangan-lah men-sifatkan saya, oleh sebab saya menentang Bill ini, ia-itu saya ini sa-orang pengkhianat atau pun saya sa-orang kominis, sebab saya terkejut melihat dan membacha surat khabar Melayu baharu² ini apabila Perdana Menteri beruchap di-Ipoh berkata: "Orang² yang menentang Bill ini ia-lah kominis." Kalau sa-macham itu nampak-nya semua Ahli Dewan Ra'ayat yang menentang baharu² ini semua-nya kominis; barangkali juga Perdana Menteri kita apabila beruchap sa-macham itu bukan-lah di-tujukan kepada Ahli Dewan Ra'ayat barangkali kepada orang yang bukan Ahli Parliamen. Tetapi saya sukachita memberi tahu di-sini, bukan-lah Ahli² Parti Pembangkang yang menentang tetapi ada juga gulongan loyar² Melayu di-Kuala Lumpur—saya boleh beritahu nama—9 loyar Melayu yang *practise* di-Kuala Lumpur semua menentang Bill ini dan kita baharu² ini melihat murid² daripada College Islam membakar *Utusan Melayu*—ada-kah murid² ini kominis? Saya tidak faham Perdana Menteri berkata: "Siapa yang menentang Bill ini ia-lah kominis." Tun Abdul Razak berchakap, jika hendak menentang turut-lah dalam Perlembagaan, dan bukan-lah saya ini menurut Perlembagaan, kalau-lah saya menentang Bill ini di-dalam Dewan ini dan juga ahli² dari Parti PAS saya yang menentang di-dalam Dewan Ra'ayat, mereka itu menurut Perlembagaan kerana mereka berchakap memberi fikiran, bebas berchakap fikiran itu di-jamin di-bawah Perlembagaan. Dan jikalau Kerajaan, perjalanan Kerajaan, itu tidak chukup tegas, tidak betul, kita bukan sa-bagai ahli sahaja, tetapi sa-bagai ra'ayat jelata, ada hak menentang dan mengkeritik Kerajaan. Saya

menentang Bill ini kerana Kerajaan sekarang maseh lemah. Banyak sebab² yang di-bagi oleh pihak Kerajaan terpaksa Inggeris mesti di-gunakan, sunggoh pun bahasa kebangsaan, bahasa Melayu, ia-lah bahasa yang rasmi di-dalam negeri ini telah di-chatit di-bawah Perkara 152 di-sini, tetapi kita tidak boleh gunakan bahasa kebangsaan, bahasa Melayu, sa-bagai bahasa yang tunggal, kerana banyak bahasa² lain di-sini, dan kita dapati 10 tahun itu tidak chukup. Baik apabila Undang² Perlembagaan ini telah di-buat, ada di-sebut di-sini di-bawah Perkara 152 ia-itu sunggoh pun bahasa Melayu ia-lah bahasa kebangsaan yang tunggal, tetapi di-sebut di-bawah Perkara 152 cheraian (2) yang berbunyi:

"Notwithstanding the provision of Clause (1) for a period of ten years after Merdeka Day, and thereafter until Parliament otherwise provides".

Tafsiran Undang² ini telah di-nampak lebeh kurang dua tiga tahun dahulu. Sebab saya ingat saya di-jemput oleh barisan bertindak bahasa kebangsaan di-Kota Bharu dan juga di-Kuala Lumpur sebab ada gulongan orang Melayu perchaya ia-itu dalam tiga tahun dahulu apabila sampai sahaja tahun ini, ia-itu tahun 1967, dalam bulan sembilan, dengan otomatik, dengan sendiri-nya, bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan dengan sendiri-nya bahasa Inggeris itu tidak menjadi bahasa kebangsaan. Dan saya berchakap tiga tahun dahulu, saya kata itu bukan terjemahan Perkara 152.

Pada pendapat saya, tafsiran saya, jikalau ada loyar di-dalam ini yang tidak bersetuju, tetapi tafsiran saya bagini; berma'ana-nya Perkara 152 sunggoh pun ada "notwithstanding Clause (2), berkata sa-lepas 10 tahun, sunggoh pun bahasa kebangsaan mesti di-guna sa-bagai bahasa rasmi, tetapi sa-hingga 10 tahun dan kemudian, bahasa Inggeris itu boleh di-guna melainkan satu Bill di-luluskan di-dalam Dewan ini sa-umpama-nya kalau-lah kita hendak menggunakan bahasa Inggeris sa-bagaimana dahulu, kalau kita hendak menggunakan kedudukan bahasa ini bagaimana tahun lepas, bagaimana tahun 1965, 1964, 1963, tidak payah kita bersidang pada hari

ini, tidak payah kita keluarkan Bill ini, bahasa Inggeris boleh di-gunakan di-bawah Perkara 152 dahulu, sebab di-bawah Perkara 152 dahulu, subsection (2), berkata sa-lagi Parlimen tidak bagi stop, Inggeris itu boleh di-gunakan. Dan kalau kita hendak menggunakan bahasa Inggeris itu sa-bagai satu bahasa, tak payah ada Bill ini. Dan saya kata Fasal 3 ini haram, is illegal. Sebab Fasal 3 ini terbangkit daripada Perkara 152 cheraian (b) berbunyi:

"The national language shall be the Malay language and shall be in such script as may by law provide."

—Provisio (b) berbunyi:

"Provided that nothing in this clause shall prejudice the right of the Federal Government or of any State Government to preserve and sustain the use and study of the language."

Di-sini saya hendak *emphasise* ia-itu di-dalam cheraian yang (b) itu "use and study". Berma'ana-nya tiada galangan jikalau State Government atau pun Federal Government, kerana kepentingan bahasa² lain menyimpangkan kegunaan bahasa lain atau pun study sa-umpama-nya buka sekolah China, buka sekolah Tamil, itu boleh. Tetapi ada-kah hari ini kita buat macham itu, hari ini kita meluaskan apa yang di-sekatkan di-dalam Perkara 152 waktu kita buat Perlembagaan. Apabila Perlembagaan ini di-buat kita mesti sifatkan dia sa-bagai kitab, sa-bagai Quran, tidak boleh ubah apa², bagaimana hendak satu gulongan. Sebab pada masa sekarang Dewan Parlimen, Kerajaan berkehendakkan kita melulus bukan-lah kata berkenaan dengan study, atau pun sekolah dia berbunyi:

"Nothing in this Act shall affect the right of the Federal Government or any State Government to use any translation of official documents or communications in the language of any other community."

Berma'ana sekarang kita sudah buka pintu luas membenarkan Kerajaan Persekutuan, ia-itu Kerajaan Perikatan, membenarkan Kerajaan Negeri supaya menggunakan terjemahan, translation, di-atas segala surat² Kerajaan. Segala² surat² Kerajaan dengan Bill, Fasal 3 ini, di-buka pintu, memberi kepada Kerajaan Negeri menggunakan translation sa-umpama-nya. Apa-kah bagi

negeri sa-umpama di-Pulau Pinang? Apa akan jadi? Jikalau Governor itu bukan orang Melayu, jikalau dia benchikan bahasa kebangsaan dia boleh, bukan kata 10 tahun lagi, 100 tahun lagi. Itu Governor kata, "Ah baik dalam pejabat Pulau Pinang semua document, surat² rasmi, yang ditulis dengan bahasa kebangsaan mesti di-terjemahkan kepada bahasa China, kepada bahasa Tamil. Dan kalau mengikut dalam Undang² ini tidak ada sekatan, bukan bahasa Tamil sahaja bahasa Sakai pun boleh. Sebab dia berbunyi, "in the language of any community". Itu bukan di-sekat kepada China sahaja. Sa-lagi ada community di-dalam negeri ini baik Sakai baik Arab, berma'ana-nya ini Bill dia kata di-Pahang kalau saya jadi Menteri Besar Pahang, kalau saya hendak main. Saya kata kalau-lah saya hendak sabotage ini sa-umpama saya tidak orang Melayu, saya kata, baik, di-Fasal 3 ini kita ada hak menterjemah segala surat rasmi kepada community lain, bahasa² lain. Baik kalau di-Pahang ada orang Sakai kita terjemah segala surat² rahsia segala surat² itu kepada bahasa Tamil, ada orang China memang ada, kepada China pula. Kalau itu Arab kita tulis dengan itu Arab. Apa, duit Kerajaan pun habis, kertas pun habis, tenaga pun habis. Dan ini boleh pergi bukan kata sa-tahun dua, sampai bukan 10 tahun, sa-ratus tahun lagi. Dan saya pada masa sekarang kalau-lah kedudukan yang sa-macham ini, sa-ratus tahun lagi bahasa kebangsaan tidak akan menjadi bahasa yang tunggal di-dalam negeri ini. Sebab alasan daripada Kerajaan kita 10 tahun ini pendek.

Kalau betul² ra'ayat Malaysia hendak belajar bahasa kebangsaan, 10 tahun itu sudah cukup. Kita hendak jadi doktor pun mengambil enam tahun. Hendak belajar Latin satu tahun satu bahasa yang rendah tak ada fasal-nya mana² penuntut yang hendak menuntut undang² itu sa-umpama macham saya dahulu. Sebab Latin perkara yang terpaksa. Saya bukan orang Latin, saya Melayu. Tetapi chuma sa-tahun sahaja saya belajar Latin. Ini kita dudok di-sini berchakap di-sini negeri Melayu,

Raja Melayu, semua Melayu, kita kata: tetapi 10 tahun tak cukup, 10 tahun kalau kahwin boleh anak lima, chuchu pun boleh macham mana hendak belajar satu bahasa 10 tahun.

Yang sa-benar-nya hati tidak mahu, kalau betul mahu mengapa dalam dunia ini tak boleh, bulan sahaja tak boleh. Dan oleh sebab saya kata Fasal 3 ini sudah bagi kuasa lebeh daripada yang di-janji di-bawah Perkara 152, saya kata Fasal 3 illegal ia-itu tak sah. Dan saya bangkang tentang Bill ini bukan-lah saya tak suka bahasa Melayu tetapi kandungan di-dalam ini tak betul. Sebab kita tahu apabila Perlembagaan ini di-buat dahulu recommendation telah di-buat oleh pehak yang berkuasa sa-umpama, di-sini saya bacha di-sini, "That the provisions of the Bill do not give rise to Article 152". Terpaksa saya berchakap dengan bahasa Inggeris di-sini (*Ketawa*). Yang pertama-nya bukan silap saya, itu bukan silap saya, silap Kerajaan, fasal Kerajaan bagi lubang saya berchakap Inggeris. Kalau Kerajaan kata, baik daripada hari ini semua Ahli Dewan Ra'ayat tidak boleh berchakap bahasa Inggeris (*Ketawa*) tetapi awak bagi lubang boleh berchakap Inggeris, kalau taroh chakap Arab di-sini saya berchakap Arab pula.

Jadi, kalau dapat kebenaran, saya chuma di-sini hendak bacha apa recommendation atau shor² yang di-bagi waktu pakar² Undang² yang membuat Undang² ini dia ada sebut di-sini di-bawah Perkara 170 ia-itu:

The recommendation of the Federation of Malaysia Constitutional Commission in 1957 reads as follows:

"We received a large number of representations on this subject. After giving full consideration to them, we have decided to recommend Article 140 that Malay should be the National Language and that for a period of at least ten years English should continue to be used as an Official Language. There are many citizens of the Federation who have had little opportunity in the past of learning to speak Malay fluently, and we think that it would not be fair to them that Malay should become the sole official language in the immediate future. Moreover, we think that it will be impracticable to abolish the use of English before ten years have elapsed." In other words, it was recommended that it will be impracticable to recommend the abolition of English before ten years.

Tetapi sekarang lebeh daripada ten years hendak masok 100 tahun:

"After ten years, it should be left to Parliament to decide when a change should be made and we have framed our recommendation so as to enable Parliament to proceed by stages if it thinks fit to do so. It may be found desirable first to discontinue the use of English for some purpose and then to discontinue its use for other purposes at some time later on. We do not recommend that any other language should become an official language."

Di-dalam recommendation yang membuat Undang² ini dahulu dia ada sebut, "We do not recommend that any other language should become an official language." Ma'ana-nya dia tahu, sudah payah, dan dengan Bill ini bahasa lain sudah menjadi semi-official, betul tidak di-sebut di-sini, tetapi dengan Fasal 3 ini lain² bangsa lain daripada Inegeris sudah menjadi sa-tengah masak official, rasmi sa-tengah. Betul tidak di-sebut di-sini tidak rasmi tetapi kalau Kerajaan buka pintu boleh gunakan itu ma'ana lain:

"But in the past it has been found desirable that many notices, announcements and other documents should be published in Chinese and Tamil as well as in Malay and in English and we think that this will continue to be desirable for some considerable time. Our recommendation will not prevent this being done."

Jadi, ma'ana kalau sa-takat buat notis, translation atau pun surat subpoena hendak da'awa hendak pangffl itu munasabah, tetapi sekarang dengan Fasal 3 ini kita bagi peluang ia-itu bahasa bukan bahasa kebangsaan sahaja dan bukan bahasa Inggeris sahaja, bahasa lain boleh di-gunakan oleh orang² kakitangan Kerajaan. Dan Fasal 4 pula sa-belum saya pergi kapada Fasal 4, Fasal 3 menggunakan translation, terjemahan ini tidak ada limit, tak ada time limit bukan-lah dia kata di-sekat lima tahun lagi, ah pejabat Kerajaan tak boleh guna bahasa lain, tidak, dia tak sebut di-sini dia bagi peluang buka pintu, ber-ma'ana-nya sa-puloh tahun, 100 tahun lagi.

Tetapi, kalau-lah Fasal 3 kata ma'ana-nya sunggoh pun Rang Undang² ini di-luluskan tetapi Kerajaan Negeri atau pun Kerajaan Persekutuan boleh membuat terjemahan (*translation*)

sa-hingga tahun, ah, ikut-lah sekarang tahun 1967 tahun 1970 sekat lima tahun lagi, ada, ini chuma berjalan terus, dan Fasal 4 pula

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, untok penjelasan, kalau ada bagi sekatan masa adakah dia akan menyokong Clause 3 ini?

Wan Mustapha: Boleh minta ulang sa-kali lagi?

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub: Dia tak tahu pula bahasa Melayu, barangkali bahasa Melayu Sarawak.

Wan Mustapha: Saya tidak dengar.

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub: Kalau Clause 3 ini di-ubah dengan menentukan had saperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu adakah parti PAS akan menyokong Clause 3 ini?

Wan Mustapha: Tuan President, berapa tahun, had berapa tahun?

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub: Had dia boleh berchadang kalau

Wan Mustapha: Well, sekarang tahun 1967, 1968, 1969, 1970. Kalau Kerajaan boleh bagi had sampai tahun 1970 jam ini saya sokong. Boleh bagi jaminan.

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub: Terima kaseh.

Wan Mustapha: Oh, saya ingat dia hendak bagi jaminan, dia chakap sahaja (*Ketawa*). Sa-benar-nya, Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri bangkit itu bukan-lah hendak bagi jaminan chuma hendak suroh fikiran saya itu pechah (*Ketawa*). Dia loyar, jadi tactic loyar itu sampai sini di-buat juga. Kita berbath

Mr President: Order! Order! Saya fikir jalankan-lah.

Wan Mustapha: Jadi, bagitu-lah saya berkata jikalau Kerajaan betul² ingin hendak membuatkan bahasa kebangsaan ini atau pun bahasa Melayu sa-bagai bahasa yang tunggal, perkara ini tak payah nanti bagitu lama. Dan saya tak perchaya langsung bagaimana Kerajaan atau Menteri² berkata perkara ini jangan-lah kita bath sangat takut jadi hum hara. Mana boleh? Saya perchaya kalau jam ini kalau

kita buang Rancangan Undang-undang ini tetapi bahasa Melayu menjadi bahasa yang tunggal tak jadi huru-hara, sa-titek darah pun tak tumpah, sebab kita tahu orang China, kita tahu orang Melayu di-sini, dia bukan orang Arab yang dudok di-sana. Chuma Menteri, Tunku Abdul Rahman dia takut sadikit. Nampak orang berarak angkat bendera pun ah, ini hendak revolusion, sebab orang Melayu selalu ta'at kepada Raja dan ta'at kepada Kerajaan kerana dengan bangsa, saya perchaya orang China dan bangsa lain t'dak akan jadi revolusion, satu orang pun tak akan mati dan sa-lama ini dalam masa empat lima tahun ini tak ada terjemahan China tak ada terjemahan Tamil, orang China tak marah.

Dengan itu oleh sebab apa yang telah saya chakapkan terpaksa-lah saya menentang Rancangan Undang-undang ini dan dukachita-lah mendengar bagaimana ucapan Tun Abdul Razak sa-tengah jam dahulu yang mengatakan parti Pembangkang sengaja hendak menentang kerana tak ada modal. Yang sa-benar-nya kita ada modal sebab itu kita boleh dapat berchakap. Dan jikalau modal itu bukan legal sahaja, saya berchakap sa-tengah dengan legal tetapi sa-tengah dengan polisi. Dan saya perchaya bukan-lah daripada orang PAS sahaja menentang, penuntut pun menentang, loyar Melayu menentang dan ada sa-tengah itu orang China yang betul suka bahasa kebangsaan pun menentang. Anak chuchu kita pun akan menentang perkara ini. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, dengan dukachita saya menentang keras di atas Rancangan Undang-undang ini.

Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya:

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pada mula-nya tadi saya tidak-lah berkehendakkan memberi penjelasan atau ulasan berkenaan dengan Rancangan Undang-undang ini ia-lah oleh sebab Rancangan Undang-undang ini pada fikiran saya sangatlah terang-nya dan mengikut Perlembagaan kita (Constitution). Bertambah pula kita semua telah mendengar kenyataan yang telah di-beri oleh Yang Teramat Mulia Tengku

Abdul Rahman Putera Al-haj Perdana Menteri kita yang di-siarkan oleh berita akhbar dua tiga hari dahulu: ini bertambah lagi cherah dan terang perjelasan. Tetapi oleh sebab mendengar hujjah dan perkataan yang telah di-jamukan oleh Ahli Yang Berhormat sa-belah saya sini, jadi, bagi membetulkan perkataan yang telah di-kemukakan atau kerana membetulkan hujjah yang tidak betul itu saya akan memberi dengan sa-berapa ringkas-nya ulasan yang saya akan sebutkan di-atas Rancangan Undang-undang ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pendek kata ada-lah Rancangan Undang-undang yang di-kemukakan pada hari ini—yang di-bahathkan sekarang, pada fikiran saya tiada-lah sa-suatu pun yang boleh di-katakan Rancangan Undang-undang ini telah keluar daripada Perlembagaan kita yang telah kita gunakan sa-lama ini. Dan tidak ada satu perubahan pun daripada apa yang telah kita jalankan sa-lama lebeh kurang 10 tahun. Pada fikiran saya, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ada-lah Rancangan Undang-undang ini telah di-kemukakan di-sini ia-lah kerana hendak memperkuatkan lagi bahawasa-nya ada-lah bahasa kebangsaan itu ia-lah bahasa rasmi yang mesti di-pakai oleh sekalian pehak dalam negeri Persekutuan ini. Tetapi pada fahaman saya mereka yang belum lagi faham dalam politik dan juga belum lagi masak fikiran dalam segi dan huraian undang-undang, mereka ini-lah yang telah menuduh bahawasa-nya Rancangan Undang-undang ini ia-lah bersifat dan telah membenarkan dalam bahasa Inggeris multi-lingualism. Dengan kebenaran Dato' minta ma'af saya berchakap dalam bahasa Inggeris, "Sir, what I mean to say, they are unable to understand the letters of the law."

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dengan kebenaran saya membawa sadikit perhatian Rancangan Undang-undang ini di-bawah Clause 2 dan Clause 3 dengan ringkas-nya sahaja. Clause atau pun Fasal 2 ini teramat-lah terang pada fikiran saya. Pada fahaman saya adalah maksud fasal ini ia-lah bahasa kebangsaan itu hendak-lah di-gunakan untuk rasmi ya'ani daripada 1 hari-bulan September 1967.

Fasal 3 pula ini-lah yang telah menjadi heboh daripada Yang Berhormat Ahli² yang dudok di-sebelah saya ini dan yang telah keluar daripada Dewan ini dan juga kepada sa-bahagian yang kecil bukan besar daripada bangsa Melayu membawa sedikit berpechah belah kita sama kita. Saya minta-lah dengan kebenaran Dato' pada memecahkan atau mencheraikan Fasal 3 ini kepada tiga pechahan atau cheraian. Jika di-benarkan saya berchakap dalam bahasa Inggeris ma'af, Dato'. "Sir, I am going to do a tri-section of this clause into three sections or three parts."

Cheraian yang pertama ia-lah berbunyi demikian dalam bahasa kebangsaan, "tiada-lah apa² jua dalam Act ini boleh menyentoh hak Kerajaan Persekutuan atau hak mana² Kerajaan Negeri"—Cheraian yang pertama ini maksud-nya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, "Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berhak"; ay at ini sudah pun tersebut dalam kita punya Constitution atau pun Perlembagaan di-bawah Clause 152 sub-clause (1) (fr) sebab itu tidak payah-lah saya membachanya lagi. Cheraian yang kedua berbunyi demikian "menggunakan apa² terjemahan sa-bagai suratan² atau perutusan² rasmi dalam bahasa mana² kaum lain".

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ayat ini-lah yang telah menjadi heboh dan perselisihan faham di-antara sa-bahagian daripada kita bangsa Melayu. Tetapi jika sa-kira-nya kita amati atau scrutinise ayat ini dengan teliti-nya sa-saorang itu mesti-lah berfaham bahawasa-nya ayat ini berkaitan atau pun mematohi ayat yang bertunda dengan-nya ya'ani cheraian yang ketiga yang berbunyi demikian "dalam Persekutuan untuk apa² maksud yang di-fikirkan perlu demi kepentingan awan." Jadi, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya menyatakan ayat yang ketiga ini mesti-lah mematohi kepada ayat dalam cheraian yang kedua. Jika saya huraikan dalam bahasa Inggeris pula; ma'af Dato' saya menggunakan bahasa Inggeris, "Sir, the last phrase or section governs the second part of the phrase which I just quoted."

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, jika saya summarise atau pun di-mukhtasarkan atau pun di-ma'anakan dengan pendek-nya sahaja, maksud Fasal 3 ini berbunyi demikian, "Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berhak pada menggunakan terjemahan² atau pun persuratan rasmi jika di-fikirkan perlu demi kepentingan awam". Jadi, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dalam Clause 2 bahasa Melayu yang telah di-sebutkan tadi, bahasa Melayu tetap menjadi bahasa rasmi, tetapi bila² di-fikirkan mustahak oleh Kerajaan Persekutuan atau pun Kerajaan Negeri terjemahan kepada bahasa lain boleh di-gunakan. Ini-lah maksud Clause 3 ini. Jadi mana mereka² yang mengatakan Clause 3 ini atau pun Fasal 3 ini multi-lingualism atau pun sa-paroh multi-lingualism saya tidak nampak-lah, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

Tetapi saya sangat berdukachita-lah apabila melihatkan sa-bahagian yang kecil daripada orang kita menentang dengan hebat-nya Rang Undang² ini dengan bermacam² kelakuan dan perbuatan bakar membakar surat khabar dan yang lain juga dengan tidak apa² guna-nya. Kerana jika mereka itu melihat betul² mesti-lah mereka itu berpendapat bahawasa-nya Rang Undang² ini sama sa-kali tidak lari daripada Perlembagaan atau pun Constitution yang telah kita turuti sa-lama 10 tahun yang lalu itu.

Dato' Yang di-Pertua, saya ringkas-kan sahaja dalam Rang Undang² ini saya berharap-lah supaya kita orang Melayu sedar dan bertenang ia-itu semua bangsa yang lain² sudah pun menerima Rang Undang² ini. Tetapi sa-bahagian daripada kita bangsa Melayu jangan-lah menerima hasutan subversive yang bermaksud, yang berkehendakkan, supaya berpechah belah kita sama kita dengan tiada sa-suatu pun patut kita berbuat demikian.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pada penghabisan-nya saya menguchapkan tahniah kepada Perdana Menteri dan juga kepada sakalian Ahli² Kabinet-nya yang telah berjaya pada membuat dan mengeluarkan Rang

Undang² ini yang kita akan luluskan ini. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya sokong Rang Undang² ini.

Dato' Dr Cheah Toon Lok: Mr President, Sir, I beg to support this Bill which is designed to be in line with the constitutional requirements of Article 152 of the Malaysian Constitution. Owing to the great importance of creating a united nation, our wise Government has thought it necessary to bring in this Bill after consultation with all the leaders of the Alliance. Owing to the great genius of Tunku Abdul Rahman our Prime Minister, and to the wisdom of our Cabinet Ministers, they have introduced this Bill to satisfy the requirements of the people of this country.

Sir, just now, I have heard a lawyer Senator in this House saying that this Bill has not satisfied the requirements of a section of the people. No Bill in the world, Sir, can satisfy all the people all the time. All must know that this country is composed of a group of races each with a long history of civilisation, a great culture, learning, intelligence and wisdom. This Bill provides that the fears of these people, who form the population of this country, should be allayed—and it has allayed the fears of the people. Fear is a very dangerous thing, and it will create panic and bring disruption to our country. Our Administration requires that all the people must know and understand our laws so that they can obey them and become useful citizens of this country. We must allow them to understand our laws in the way they can understand it, as then only can we bring in an united nation; otherwise, we cannot bring in a nation at any time, at any period, however long we want to have that desire. So, I think this is a very wise Bill.

We have also heard the lawyer from Kelantan expressing the view of a section of his State only, and not of the nation. He said that certain of his colleagues who are Malays do not agree to this Bill. This is a Bill designed for the good of all the people of this country, not for a particular profession

and a particular type of people. If I were a lawyer, which I am not, of the section to which he referred to, naturally, I would like to have everything in Malay; and I would like to make a better living because all clients will come to me. But what about all those lawyers who do not know Malay? They will not have clients! This attitude is for self and not for the good of this country.

The importance of any Bill does not lie in the Bill itself but in the interpretation of the Bill and in the implementation of the Bill. I hope that in the implementation of this Bill, which is most important to allay the fears of the people, the Government must act with care, with tact, with intelligence and with wisdom so that, then we can have a great and united nation.

Before I conclude, Sir, I wish to say that this Bill is a tender plant and we must nurse it with care. I wish to quote a poem from Thomas Hood, "The Bridge of Sighs" where he says this:

*"Take her up tenderly,
Lift her with care,
Fashioned so slenderly,
Young and so fair."*

Dato' Y. T. Lee: Mr President, Sir, I rise to support fully this Bill and congratulate the Government and the Tunku, in particular, for his farsightedness and wise statesmanship. I agree entirely with the statement made by the Prime Minister that every section of the community in this country must be considered. Sir, this goes to show that our beloved Tunku is not only the Prime Minister of the nation but is also the leader of all communities. I was really taken aback with great surprise over a statement by the Member from the P.P.P. that we follow the footsteps of Ceylon. Mr President, Sir, God forbid; the chaos created in Ceylon is still fresh in our memory. Thank goodness this country has wise leaders and men of vision, and that we do not follow the course taken in Ceylon.

Sir, this Bill is realistic and practical. I support it.

Tuan Lim Hee Hong: Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² ini. Saya tidak mahu

berchakap panjang, saya fikir elok-lah saya tambah dua tiga patah di-atas chadangan saya.

Yang pertama saya hendak berchakap tadi, Ahli² Pembangkang dihadapan saya berkata lagi 100 tahun pun bahasa kebangsaan tidak boleh menjadi *Official Language*. Dia meminta Menteri ini menjamin dalam masa 3 tahun. Saya tidak bersetuju sama dia.

Dato' Yang di-Pertua, saya berikan satu contoh, bapa saya menjadi sa-orang guru di-sekolah China, dia telah mati lebeh kurang 20 tahun dahulu. Saya anak-nya. Bapa saya, sunggoh pun dia sa-orang guru sekolah China, dia fikir "Apa ini saya dapat \$250 sabulan gaji saya, kadang² hendak bayar hutang pun tidak dapat, lebeh baik saya hantar anak saya pergi sekolah Inggeris." Sebab itu saya belajar bahasa Inggeris. Hingga sekarang saya boleh tulis nama saya. Sa-lain daripada itu tidak ada banyak. Dan sekarang sampai anak saya, anak saya pun tidak tahu. Anak saya semua-nya 12 orang, nama pun dia tidak tahu tulis. Kata Ahli Yang Berhormat tadi, 100 tahun pun tidak boleh. Saya fikir dalam sadikit tahun barangkali contoh ini budak² sekolah yang muda² pun dia faham Inggeris-China sama sa-kali. Ini-lah satu contoh yang saya hendak berikan. Apa sahaja undang² di-paksa ada-lah tidak baik—force "You cannot force the law on anybody". Dia salah. "That is not a good law, a good law cannot be forced". Tidak boleh paksa kepada orang.

Jadi, saya fikir Kerajaan Perikatan membuat satu Rang Undang², saya fikir yang patut sa-kali sebab dalam negara ini kita ada bangsa² asing. Jadi, semua orang saya harap boleh menerima ini. Jikalau kita beri peluang di-dalam Rang Undang² ini saya harap dalam sadikit tahun semua orang boleh berpuas hati. Terima kaseh, Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong penoh Rang Undang² ini.

Tuan S. O. K. Ubaidulla: Sir, it is to my mind very difficult to find a person in this country who does not realise the importance of the national

language and who does not respect the national language. To every Malaysian, it is well known that he should have a national language and he should have a national flag and a national anthem. Without these three important things, a nation would be without character, colour and personality.

Sir, I stand here to-day rather stupefied and surprised to see a small section of the people who do not appreciate the great compromise that has been worked out in the National Language Bill that is before us today.

Sir, I classify these misguided critics of the National Language Bill into two categories. The first category are those who do not understand the overall significance of the National Language Bill. Among these people, there are the Malays who look at this National Language Bill as one which gives them only three-fourth status to the National Language. In the other group there are non-Malays who believe that the Bill has belittled their own ancestral language and has accorded them only one-fourth status. Sir, both are in the wrong. They all should look at the National Language Bill not as three-fourth and one-fourth, but should add them together and see it as one whole. When they see the National Language Bill as three-fourths and one-fourth, they will see a difference; but when they add three-fourths and one-fourth together, they will see the nation as one—the nation is most important.

Looking at the nation from a divided eye, from a divided angle, is dangerous to themselves and dangerous to the nation. When they add the one-fourth and three-fourths, it is unmistakably good mathematics and it is one—the nation as one, our united nations as one. When both the Malays and the non-Malays feel the nation as one, they will see the National Language Bill as the greatest solution of the nation.

Sir, the National Language Bill is a package deal. No one should look at it as something for the others and nothing for him. It should be realised that it is the thing for **all**.

Sir, the second category of the misguided critics of the National Language Bill are those who cannot put up with the compromise of the National Language Bill, who cannot put up with the solution that the National Language Bill has given for the nation. They are simply jealous. They are worried to death in the knowledge that their future importance is gone once and for all, because they have been hitherto posing themselves as the so-called champions of their respective languages and protagonists of their respective languages. With the coming in and adoption of the National Language Bill these so called people are finished. They are not worried about the National Language, but they are worried about themselves. As my most respected leader, Dato' Dr Cheah Toon Lok, just now said it in very plain language it is their selfishness that makes to attack the National Language Bill—it is not their patriotism but it is their selfishness. A few people are getting together to make hay at the expense of imposing the National Language immediately in this country, and thereby an opportunity will come which will give them a profit in their profession. Sir, we have built up these misguided people knowingly or unknowingly. It is not easy to get rid of these people, and the only way open to us is to take no notice of them.

Sir, it is a well-known fact that a family doctor knows too well to prescribe the right medicine for the illness of any member of the family, because he knows the past and the present history of the family, and he knows the appropriate medicine that would work on the family. Likewise, Sir, the National Language Bill to my mind is the prescription of the family doctor. The family doctor for Malaysia is no other person than our beloved Prime Minister Tunku Abdul Rahman. The National Language Bill is the prescription of the family doctor to the nation, and Tun Abdul Razak is the junior Doctor. Sir, if a family does not believe in its family doctor, may God help that family. If the Malays,

the Indians, the Chinese, the Ceylonese, the Eurasians, and all others do not believe in the family doctor of the nation, Tunku Abdul Rahman, may God help them.

Sir, finally, to those **who** are in a great hurry to see **the** national language replacing fully other languages in this country, I would like to say, "Please look at Indonesia." Indonesia has a national language which has risen to the full and complete stature of a national language capable of replacing Dutch, English, German and French that was spoken before the independence. Yet, Sir, in the year 1956 Indonesia found it necessary to make English a compulsory language in the secondary schools of Indonesia. This does not mean that Indonesia has belittled the status of its national language, nor that Indonesia has compromised with the dignity of **her** national language. It is only a matter of time, and it is as sure **as** the **sun** rises in the morning, that Bahasa **Ke-**bangsaan will occupy its place of sovereignty and dignity as the sole national language **of** this country, and everybody will write, speak and learn the national language. Sir, I accord my wholehearted support **to** this Bill. (A *pphause*).

Dato' Athi Nahappan: Dato' Yang di-Pertua, saya

Mr President: You have only six minutes, Dato'. How long do you wish to speak?

Dato' Athi Nahappan: I will **be** speaking for more than six minutes. If you want me, I will start off now and I finish it later on, or if you like to adjourn at this stage, I will concede to that.

Mr President: Please give way to Honourable Mr William Tan.

Tuan William Tan (Sarawak): Sir, as a sovereign independent nation **we** must have a national language. **At** the same time, assurance has been given that the other languages will **not be** made to suffer. With the leadership of the Tunku and Tun Razak, the

national language has been implemented without shedding of blood in this country, as has happened in other part of the world. I wish to add my congratulations and appreciation for the unique manner in which the national language has been handled by the Tunku and Tun Razak and their colleagues.

However, Sir, in supporting this Bill, I have a few comments to make on the question of translation. I have been led to believe that all translations on public buildings and public places are coined by the Department of Bahasa Kebangsaan. With all due respect to the experts of that Department, I found the following translations in Kuala Lumpur and elsewhere rather amusing. I wish to cite an example, such as "No Through Road" somewhere near the University of Malaya or the translation for "Cul-de-sac" as "Jalan Mati"! I wish at the same time to cite another example at Tapah Road Station. Please do not take what I am explaining as being rude. The translation at Tapah Road Station for "Bar" is "Kedai Minum Keras", and not very far away from that Kedai Minum Keras, you will find "Bilek Menunggu Perempuan Kelas Satu" (*Laughter*).

Now, I come to the question of what has been debated here last year, and that was "Red Cross" being translated as "Palang Merah". And it really seemed to us all here as truly innocent, and I agree that there is nothing wrong with this, but it carries a conflicting view with the Dayaks of Sarawak. And my two colleagues here, one on my right and other one, Dato' Temenggong, on the other side of the House, will agree with me.

Tuan Abdul Rahman bin Ya'kub: There is another one here, Mr President, Sir, (*Laughter*).

Tuan William Tan: Oh, I am sorry. (*Laughter*). There is also our Minister of Lands and Mines here. During the last debate in the House, it took this House almost one hour to discuss the

question of the symbol, but the people in Sarawak were concerned about the name. However, Mr President Sir, I am not going to explain it further now. If I might have your permission to clear the public gallery and ask all the ladies to leave this House (*Laughter*) then I will proceed with the explanation. (*Pause*) Now I do not think I am permitted to proceed with the explanation, Sir. (*Laughter*).

All nations in the world borrow words from other nations, such as "bouquet" which the English borrowed from the French. But I see in my cases here that we borrowed our words from the English and French but we changed the spellings. I feel that it is very very hard on the young people; once they are brought up and they are sent abroad, and we change the spelling of the word, for example, "pencil" into "pensil" when they go to London to study they might make the same kind of mistake. Why not let us give careful thought about the question of spelling? There is no shame at all to borrow words from other nations. Then, there is one word—Muzium. I happen to pass that road before the building was erected many years ago—and I think my colleague here was with me—and I asked the Protocol Officer, "Enche', apa itu Muzium?" Dia kata, "Muzium, muzium-lah". (*Laughter*). So I feel we have to have standard spelling with words borrowed from other nations of course.

I conclude, Sir, by saying that the best word known in the world is from the Chinese, and that is "Yam Seng", Mr President, Sir, (*Laughter*).

Mr President, Sir, I support the Bill. Thank you.

Mr President: Meshuarat ini ditangguhkan hingga pada 2.30 petang.

Sitting suspended at 12.00 noon.

Sitting resumed at 2.30 p.m.

(Mr Deputy President *in the Chair*)

THE NATIONAL LANGUAGE
BILL

Second Reading

Debate resumed—

Dato' Athi Nahappan: Dato' Yang di-Pertua, saya dengan sukachita-nya menyokong Rang Undang² ini dan merasa gembira mengambil bahagian didalam debat atau perbahathan ini dalam bahasa kebangsaan (*Tepok*). Sesuai-lah saya menguchapkan dalam bahasa kebangsaan kerana Rang Undang² ini ada-lah bertuah dan bersejarah dan menurut semangat Perlembagaan kita dan juga Rang Undang² ini saya chuba-lah uchapkan dalam bahasa kebangsaan, saya harap-lah sa-kira-nya saya buat kesilapan apa² pun Ahli² Yang Berhormat di-sini akan memberi ma'af kepada saya.

Dato' Yang di-Pertua, manakala Rang Undang² ini di-bahatkan didalam Dewan Ra'ayat, saya telah hadir dalam Dewan itu dan mendengar beberapa ucapan di-berikan oleh Ahli² Pembangkang khas-nya, dan satu ucapan saya sekarang ingat-lah dan saya suka menarek perhatian Dewan ini kepada fikiran itu, ucapan itu di-berikan oleh Yang Berhormat Tuan Seenivasagam. Kata dia, "Rang Undang² ini ada-lah sa-bagai satu penyerahan UMNO khas-nya atau kaum Melayu khas-nya kepada kaum² yang bukan Melayu atau MCA atau MIC." Ini-lah pandangan atau kesimpulan-nya atas Rang Undang² ini. Kata dia, "Tujuan Rang Undang² ini ia-lah mengiktiraf bahasa Inggeris maseh lagi dan tidak-lah menjadikan bahasa kebangsaan bahasa rasmi yang tunggal."

Pada pandangan dia kalau bahasa Melayu di-jadikan bahasa rasmi wajib-lah kita menjadikan bahasa itu sa-bagai satu bahasa tunggal sahaja. Pada masa ini saya suka-lah menarek perhatian Yang Berhormat di-sini ada-lah berbedza antara perkataan "bahasa yang tunggal" dan "bahasa rasmi yang tunggal", dan pandangan Tuan Seenivasagam ia-lah kita menjadikan bahasa Melayu sa-bagai bahasa yang tunggal dan tidak bersetuju dengan syarat² didalam Rang Undang² ini. Kata dia lagi dengan nafas itu juga, MCA dan MIC

tidak-lah mendapat keistimewaan (privileges) apa² tidak dapat oleh MIC atau MCA—apa kita lihat dengan satu nafas kata dia, "UMNO ini sudah menyerah diri sendiri dan MIC tidak dapat sebarang keistimewaan. Sa-telah itu siapa pun tidak ada menang-lah tidak dapat kejayaan. UMNO tidak berjaya dan MIC atau pun MCA pun tidak berjaya. Ini menunjukkan satu inti atau synthesis atau compromaisi atau tolak ansor-lah dalam perkara ini. Ini menunjukkan kebijaksanaan Rang Undang² ini. Kalau ta' ada satu pehak menang atau satu pehak kalah, ini menunjukkan commonsense atau kebijaksanaan telah menjayakan. Ini-lah ma'ana Rang Undang² ini pada pandangan saya.

Saya juga mendengar fikiran² daripada Ahli² yang lain dan saya membahagikan pandangan² berikut ini. Pandangan² yang timbul daripada PMIP ia-lah masa sudah sampai ikut perasaan atau tujuan atau semangat Perlembagaan untok menjadikan atau memberikan bahasa Melayu sa-bagai bahasa yang tunggal sahaja. Lain bahasa tidak boleh di-gunakan sa-chara langsung atau tidak langsung. Bahasa Melayu sahaja di-gunakan di-segala lapangan, lapangan saperti pentadbiran, Dewan Undangan saperti ini dan juga dalam mahkamah. Ini-lah tiga tiang Kerajaan. Atas tiga² tiang ini Kerajaan di-dirikan, ia-itu pentadbiran, mahkamah dan juga Dewan Undangan atau Legislative. Dan fikiran PMIP ia-lah masa sudah sampai kita melaksanakan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa yang tunggal dalam ketiga² lapangan ini. Dan kita tidak boleh benarkan bahasa² yang lain di-gunakan, bagaimana terus-nya, langsung-nya atau tidak langsung-nya, atau terjemahan dalam perkara apa². Ini-lah saya fikir pandangan PMIP. Kalau saya ada silap Yang Berhormat di-situ boleh-lah menukarkan fikiran saya. Tetapi parti² Pembangkang yang lain, saperti DAP, UDP, dan PPP, dia kata Rang Undang² ini tidak-lah memberi hak² kepada kaum² yang lain untok menggunakan bahasa² yang lain. Fikiran dia Rang Undang² ini tidak-lah mengiktiraf bahasa² yang lain mengikut

semangat Perkara 152 dalam Perlembagaan. Dia kehendak ini dasar berbilang bangsa. Dia kehendak bahasa² yang lain seperti bahasa China, bahasa India di-gunakan, serta bahasa kebangsaan. Ini-lah kesimpulan dia. Kita boleh lihat perbezaan di-antara PMIP dan juga parti Pembangkang yang lain.

Ini ketiga² parti hendak satu dasar untuk menggunakan tiga bahasa dalam negeri ini—kurang². Ini polisi bagaimana saya katakan tadi dasar berbilang bangsa. Dia tak memuaskan hati-lah. Pada pandangan-nya ini Rang Undang² ada-lah kekurangan, tak sesuai dalam negeri kita ini. Saya dengar ini Dr Tan Chee Koon kata ini negeri ada beberapa kaum. Dan ini tabiat atau character penduduk² negara kita ini ia-lah multi-racial. Bukan minority, majority. Lebih kurang kekuatan tiap² kaum sama-lah kata dia. Dan oleh sebab itu dia suka-lah menggunakan, laksanakan, bahasa² yang lain dalam lapangan ketiga yang saya katakan tadi. Tetapi dasar Rang Undang² yang kita adakan pada hari ini ia-lah satu, sa-bagaimana di-katakan oleh Yang Berhormat Tun Tan Siew Sin ada-lah di-sebut dalam document ini. Kata dia ini Rang Undang² mencherminikan satu intif, satu synthesis, kata dia. Saya pun dengar-lah fikiran daripada Menteri yang lain ia-itu yang Berhormat Tuan Manickavasagam. Kata dia, ini bukan menunjukkan atau menjadi satu dalil atau bukti sa-bagai satu kompromaisi. Dia tak suka perkataan compromise. Kalau kita gunakan kompromaisi berma'ana itu-lah satu parti sudah serahkan satu prinsip dan satu parti sudah ambil satu hak lebih daripada parti lain. Kompromaisi tidak sesuai-lah kata dia. Kalau kita ikut perkataan Tuan Tan Siew Sin inti barngkali saya ingat sesuai-lah. Dan juga sa-benar-nya itu juga keadaan sekarang. Dan saya fikir Rang Undang² ini tidak-lah menentang atau melanggar Perlembagaan kita.

Pagi tadi kita dengar satu pandangan daripada Yang Berhormat Tuan Wan Mustapha. Dan dia juga menafsirkan Perkara 152. Sa-bagai sa-orang loyar, peguam, saya pun berikan galakan kapada pandangan-nya. Tetapi

loyar-kah atau bukan loyar-kah, loyar pun boleh buat kesilapan juga. Dia kata pagi tadi ini Rang Undang² melanggar semangat Perkara 152, khasnya di-bawah Fasal 1 (b). Apa-kah ini Fasal 1 (b) katakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah bacha dengan kebenaran tuan. Fasal 152 (1) katakan seperti ini. Fasal ini tiada menyentoh hak Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri menyelamat dan menjaga penggunaan dan pelajaran bahasa kaum lain di-Persekutuan. Ini-lah satu terjemahan rasmi. Ini Perlembagaan dalam bahasa kebangsaan. Dan kalau saya menafsirkan Fasal 1 (b), pada pandangan saya berma'ana itu ia-lah Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan adalah berhak atas dua perkara. Satu mengenai penggunaan bahasa yang lain daripada bahasa kebangsaan. Yang kedua ia-lah pelajaran bahasa yang lain. Ini-lah dua hak penggunaan atau pelajaran bahasa yang lain, bahasa kaum yang lain di-Persekutuan. Dan ini kedua² Kerajaan, ia-itu Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan adalah hak menggunakan bahasa yang lain atau mempelajari bahasa yang lain.

Yang Berhormat Tuan Wan Mustapha kata pagi tadi berma'ana ini terhad kapada pertubohan² pendidekan sahaja seperti sekolah², kolej, universiti dan terhad kapada perkara itu sahaja. Menggunakan untuk pendidekan atau mempelajari untuk asohan atau pendidekan itu sahaja. Daripada lapangan ini Kerajaan tak ada berhak untuk menggunakan atau mempelajari bahasa yang lain. Ini-lah tafsiran Tuan Wan Mustapha. Dan saya suka-lah memberitahu di-sini saya bersetuju dengan fikiran-nya. Dan fikiran ini tidak-lah yang laras dengan bab ini, fikiran itu sesuai dengan dasar parti-nya (*Ketawa*) (AN HONOURABLE MEMBER: H;ar, hear) bukan dengan semangat Perlembagaan dan dia menggunakan satu perkataan yang saya fikir sangat keras, kata dia Rang Undang² ini illegal, harm. Kalau dia dan parti-nya fikir macham itu dia boleh menggunakan hujah sa-umpama kalau dia dengan chara² dia suka-lah, itu kerja-nya sendiri (*Ketawa*), bukan kita nasihat dia, apa dia hendak buat

Tuan Nik Hassan bin Haji Yahya: Dia punya fasal.

Dato' **Athi Nahappan:** Apa saya sukachita katakan, pada petang ini ia-lah Rang Undang² ini ada-lah di-bentangkan di-sini mengikut Perlembagaan kita; itu-lah prinsip yang pertama. Dan saya suka-lah bagi tahu Dewan ini saya pun ada-lah mengambil bahagian dalam persiapan Rang Undang² ini dengan kerjasama Attorney General sa-belum Rang Undang² ini di-terima oleh Kerajaan. Dan kita pun m;ngkaji beberapa lama untuk membawa Rang Undang² untuk melaraskan dengan Perlembagaan. Kalau kita buat bertentangan dengan Perlembagaan itu tak sasuai-lah, tidak boleh jadi hal. Dan perkara itu di-selesaikan sa-telah fikiran² yang mendalam dan teliti. Apakah ini Perkara 152 katakan? Perkara 152 katakan bahasa kebangsaan ia-lah bahasa Melayu dan hendak-lah di-tulis dengan huruf itu. Mula²-nya dia kata bahasa kebangsaan ia-lah bahasa Melayu tetapi dalam Perkara 152 mana² pun tidak-lah di-katakan bahasa kebangsaan menjadi juga bahasa yang rasmi, tak sebut itu, ada sebut satu sahaja bahasa kebangsaan ia-lah bahasa Melayu tetapi berma'ana itu-lah manakala kita ada satu bahasa yang menjadi bahasa kebangsaan itu wajib, itu wajar. Jadi, bahasa rasmi juga. Oleh sebab itu Fasal 2, 3, 4 dan juga 5 mulakan saperti ini, walau pun yang tersebut dalam Fasal 1 dia start macham itu, dia mulakan macham ini. Kalau kita memulakan kalimah itu dengan lain ini boleh tentang-lah dengan Fasal 1. Ini-lah berma'ana bahasa kebangsaan mesti-lah *ipso facto* atau memang jadi bahasa rasmi juga.

Masa kita mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957 kita hendak-lah mengambil perhatian keadaan masa itu dan kita tidak-lah boleh elakkan untuk menggunakan bahasa Inggeris oleh sebab bahasa Inggeris juga bahasa rasmi masa itu dan di-gunakan di-segala lapangan² dan kita mengi'tiraf bahasa itu di-lapang di-ketiga² itu. Dan juga tujuan kita dalam masa 10 tahun kita beri hak kepada Parlimen ini, kalau Parlimen fikir boleh lanjutkan masa ini, kalau tidak Parlimen berhak di-bawah bab ini untuk mem-

bentangkan satu Rang Undang² saperti kita adakan hari ini untuk melaksanakan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi. Kalau Kerajaan, ini satu kebijaksanaan sahaja-lah ini satu discretion, kalau Kerajaan Perikatan suka dengan majority dalam kedua² Dewan ini boleh-lah melanjutkan umur bahasa Inggeris di-negeri ini tetapi Kerajaan sudah-lah bagi tahu negara kita dasar-nya ada-lah dasar untuk meninggikan taraf kebangsaan dan menggunakan bahasa kebangsaan di-mana² lapangan yang boleh di-dalam masa yang sa-chepat mungkin. Dan mengikut dasar itu Kerajaan dalam masa 10 tahun beransor² mengemukakan bahasa kebangsaan dalam beberapa pejabat² dan juga lapangan². Dan sekarang kita nampak bahasa kebangsaan ada-lah di-gunakan lebeh banyak, lebeh daripada yang di-adakan 10 tahun yang dahulu. Itu-lah satu trend satu kejadian yang kita tahu sekarang ada jalan dan mesti-lah kita menchapai akhir tujuan kita kapada ta' berapa lama lagi. Dan saya suka-lah beritahu Yang Berhormat di-sana bukan sahaja saya tetapi orang saperti saya dan anak² dan chuchu dan saudara mara saya ada-lah mempelajari bahasa kebangsaan. Dan tak berapa lama lagi saya fikir orang² bukan Melayu boleh juga berchakap bahasa kebangsaan tetapi juga saya fikir boleh-lah mengajar bahasa kebangsaan kapada orang² Melayu (*Tepok*) saya fikir boleh jadi dan sekarang juga beberapa orang bukan Melayu menulis buku² dalam bahasa kebangsaan. Dalam negeri kita semua warga-negara tak kira dia China-kah atau orang India-kah atau orang² lain semua warga-negara mengiktiraf bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan. Siapa pun tak berdua hati atas perkara ini. Atau boleh-kah bahasa kebangsaan menjadi sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal barangkali ada-lah fikiran berbagai². Itu atas tempoh sahaja. Itu bukan-lah satu polisi yang pokok, itu satu polisi pelaksanaan sahaja-lah dan barangkali Ahli di-sana boleh fikir kita boleh gunakan bahasa kebangsaan dalam semua lapisan atau lapangan² mengikut taraf international. Atas ini Perdana Menteri kita telah menjelaskan.

saya dengar sendiri dalam Dewan Ra'ayat kata dia satu perkara yang realistic-lah. Bagaimana kita boleh mengukorkan mutu satu bahasa atau quality satu bahasa atau taraf satu bahasa. Perasaan emotion ada-lah semua kita ada emosi berkenaan dengan bahasa sendiri tetapi emosi atau perasaan satu hal praktik atau pelaksanaan itu satu hal, ini dua² mahu ikut-lah, kalau tak ikut nanti satu negara tak boleh jalan. Mesti jadi kelam kabut sahaja. Dan Perdana Menteri mengatakan dalam Dewan Ra'ayat satu realistic estimation atau ukoran ia-lah masa ini quality atau mutu atau pemberitahuan dalam bahasa kebangsaan ia-lah sampai satu level darjah lima-kah, enam-kah atau tujuh—itu sahaja. Dan Perdana Menteri kita ada bertanya boleh-kah ki:a dapat atau produce loyers, atau engineers atau doctors dan lain² pakar² dalam satu pemberitahuan sampai darjah lima-kah atau tujuh sahaja.

Kalau kita mahu sekarang, kalau anak² Ahli Yang Berhormat hendak menjadi doctor-kah, engineer-kah mestilah mempelajari bahasa Inggeris, tidak boleh dapat itu melalui bahasa kebangsaan pada masa sekarang, ini kita mesti ikhtiarkan—mengakui. Kalau kita tidak aku'i ini—kalau tidak bersetuju dengan realistic keadaan ini, itu samacham menutup mata-lah kepada dunia ini, dan apa yang kita fikir sahaja yang betul dan bijak, tetapi orang² gila pun ingat macham itu juga (*Ketawa*). Ini-lah satu keadaan yang mustahak dan dalam fikiran itu ada-lah ma'ana-nya yang besar.

Dan saya harap-lah tidak berapa lama lagi sa-bagaimana yang di-katakan bahasa kebangsaan akan di-gunakan lebeh lagi, dan anak² kita mesti belajar bahasa kebangsaan, dan barangkali dalam 10 tahun, satu jenerasi; jenerasi itu sedikit panjang-lah, kata orang dalam satu jenerasi semua orang di-sini boleh menggunakan bahasa kebangsaan dengan sa-penoh-nya. Saya fikir chepat daripada satu jenerasi anak² kita boleh-lah menggunakan bahasa kebangsaan dalam beberapa alat², itu mesti akan jadi.

Atas Rang Undang² ini tidak-lah membenarkan dasar berbilang bahasa, ini saya suka-lah memerhatikan tuan² kepada apa yang di-katakan yang pertama oleh Yang Berhormat Tuan Tan Siew Sin dalam Dewan Ra'ayat, kata dia dalam muka 19 saperti ini:

"Dalam pada itu saya hendak menjelaskan pehak MCA tidak bertujuan untuk mengguna ayat 3 dalam Rang Undang² ini sa-bagai alat untuk mendapat jaminan pengesahan bahasa China sa-bagai salah satu bahasa rasmi negara ini. Kita tidak ada meminta supaya kalimah ini di-masokkan bagi melindungi usaha kita ka-arrah penggunaan berbilang bahasa."

Dan juga di-muka 30 Tan Sri V. T. Sambanthan ada berkata saperti ini:

"Biar-lah saya nyatakan dengan jelas dan satu persatu bahawa ini bukan-lah itu tujuannya dan kami tidak ingin dan tidak mahu penggunaan berbilang bahasa di-negeri ini. Kami tahu akan peri mustahak-nya bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi. Kami tahu bahawa kami akan gagal dalam tugas kami terhadap ra'ayat negeri ini jika kami tidak menerima semangat Perlembagaan."

Ini-lah kedua² pemimpin MIC dan juga MCA katakan atas fikiran berbilang bahasa di-negeri ini. Dan pandangan Yang Berhormat Tuan Wan Mustapha Fasal 3 dalam Rang Undang² ini menjadikan atau membenarkan satu polisi berbilang bahasa tidak-lah ada apa² asas, ini satu pandangan yang hampa sahaja. Itu sahaja saya suka ucapkan, Dato' Yang di-Pertua, terima kaseh (*Tepok*).

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini saya rasa sangat bertuah dalam keadaan tuboh badan yang sehat dan fikiran pun sehat juga dapat ikut berbath dan berdebat di-dalam satu masalah yang semua pehak dalam negeri kita ini mengatakan akan menjadi sejarah, dan pada hakikat-nya memang begitu-lah chuma kita ini ada-lah pelakun² yang sedang membuat sejarah bakal di-ulas dan di-analisa oleh orang² yang akan datang sa-bagai pengkaji sejarah.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan berchakap sa-berapa rengkas yang boleh mengena'i Bill yang kita binchangkan pada hari ini akan tetapi izinkan-lah saya, Tuan Yang di-Pertua, sa-belum daripada saya meneruskan kenyataan pendapat saya dalam masalah ini.

untuk menyatakan perasaan dukachita yang amat sangat supaya dapat dirakamkan dan mudahan² menjadi peringatan Kerajaan, bahawa tidak-lah patut di-kekalkan amalan membataskan masa persidangan Dewan Negara dalam tempoh yang terlalu singkat seperti sekarang ini yang kemudian telah di-bawa usul meneruskan sidang hingga selesai. Usui mesti di-ta'at kerana ikatan disiplin. Maka sidang pun di-teruskan-lah untuk di-habiskan, kerana itu kalau saya ikut memdebatkan beberapa Bill lagi yang penting² mungkin malam ini pukul 3.00 tidak akan habis.

Sukachita saya hendak ma'alumkan menurut pengetahuan saya, Dewan Negeri Perak mengadakan sidang belanjawan memberi peruntukan selama sa-minggu untuk sidang sa-umpama itu. Mengapa-kah sa-buah Dewan Negara—sa-buah Rumah dari Parlimen Malaysia—mesti di-bataskan bagini rupa sa-hingga menyebabkan kehilangan daya kapada anggota² dan membosankan. Kalau saya, Tuan Yang di-Pertua, mengambil peluang berchakap bukan-lah sa-tiap Bill kerana saya tidak ahli di-dalam sa-tiap perkara, tetapi sa-suatu yang merupakan persoalan yang menjadi kepentingan bersama sudah tentu akan saya ikut berchakap dan memberi segala apa yang boleh saya perkatakan di-dalam Dewan yang mulia ini. Berchakap atau tidak berchakap di-dalam Dewan ini bagi sa-orang ahli, dia akan mendapat wang atau dengan lain perkataan, yang menjadi momok di-luar Dewan ini dikatakan sa-bagai sumber menchari rezki, akan mendapat rezki kalau saya tidak berchakap 4 jam atau 3 jam pun dapat rezki, kalau berchakap pun dapat rezki. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, orang boleh kata apa sahaja untuk menghina-kan semua Ahli Dewan Negara ini, akan tetapi saya meminta kapada Kerajaan supaya memikirkan pada masa hadapan jumlah hari—dan masa persidangan Dewan Negara ini—haruslah di-lanjutkan lagi. Kira-nya Ahli Dewan ini dapat menyelesaikan dalam tempoh satu hari, tentu-lah di-selesaikan dalam tempoh satu hari tetapi kalau sa-kira-nya dia tidak dapat menyelesaikan kita terus sampai kapada

hari yang akhir di-tetapkan—4 hari bukan-lah waktu yang munasabah bagi sa-buah Dewan yang anggota-nya 60 orang Ahli semua-nya.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kita kapada persoalan Rang Undang² sekarang ini. Saya berasa bangga mengikuti perbahathan di-Dewan Negara pada hari ini kerana dapat-lah saya menyatakan pendapat saya sa-bagai sa-orang anggota Dewan ini dan sa-bagai warga negara Persekutuan Malaysia.

Bahasa kebangsaan ada-lah hak mutlak, satu pengenalan keperibadian satu² bangsa dan ini di-akui oleh kita semua perlu ada dan bahasa Melayu telah di-rakamkan di-dalam Perlembagaan dalam Fasal 152 ia-itu "The National Language shall be the Malay language". Sa-takat itu saya bacha sudah jelas arti-nya telah dapat diterima, bahkan tidak shak lagi, kalau tidak salah ingatan saya hasil dari memorandum Parti Perikatan sendiri kapada Reid Commission, Surohanjaya Reid, Persatuan Islam sa-Tanah Melayu bersama² dengan ra'ayat lain sama ada pertubohan atau tidak, di-luar Parti Perikatan ada-lah menyertal di-dalam usaha ini dan menerima konsep ini apa-tah lagi ini ada-lah menjadi asas perjuangan kita, di-dalam negeri ini. Dan asas² ini-lah juga kerana ada beberapa titek pertemuan, tidak berlaku pertentangan² yang hebat di-dalam negeri kita ini 10 tahun yang lalu.

Perjuangan kemerdekaan negeri ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan hanya perjuangan Parti Perikatan seperti yang dapat kita bacha di-dalam sa-buah buku "Mission to London" yang di-tulis oleh Yang Berhormat Tan Sri T. H. Tan dalam hujah²-nya rombongan Perikatan kapada Kerajaan British bagi menchapai self-Government—pemerintahan sendiri—dan menchapai kemerdekaan negeri ini lebeh chepat, menchapai pilehan raya dalam jumlah yang munasabah dalam waktu yang sa-chepat mungkin, di-kuatkan hujah-nya yang terchatet di-dalam buku itu bahawa Persatuan Islam juga menyokong tuntutan ini. Erti-nya di-dalam perhitangan sejarah supaya jangan kita

berlaku dzalim terhadap sejarah. Nyata-lah bahawa PAS—Persatuan Islam—mempunyai andil, mempunyai share dalam perjuangan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua dengan kepala yang dingin telah menerima bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan. Maka pilehan yang telah di-buat oleh Perikatan terhadap bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan negeri ini ada-lah pilehan yang paling tepat sebab negeri ini ia-lah pusaka orang² Melayu, kedaulatan-nya tidak dapat di-chabar kerana wujud-nya kesultanan di-tiap² negeri dalam Negeri² Melayu. Melayu telah pun menjadi *lingua franca* kepada semua penduduk² di-dalam negeri ini dan tidak ada sebab kalau bahasa Melayu hendak di-tolak atau tidak mahu di-terima sa-bagai bahasa kebangsaan negeri ini. Jadi, masalah ini semua-nya telah selesai, selesai dengan terchatet-nya di-dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, selesai-nya dengan ada-nya understanding dengan ada perse-tujuan bersama di-antara M.C.A. dan UMNO khas-nya dalam masalah ini lebeh 10 tahun dahulu. Jadi, ra'ayat di-dalam negeri ini menunggu per-iaksanaan-nya, ra'ayat di-dalam negeri ini semua-nya menunggu pelaksanaan-nya khusus-nya orang² Melayu. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, kepada orang Melayu menerusi Parti UMNO kesediaan mereka menyokong dasar Perikatan pada tahun 1955 dahulu tentu-lah di-nafikan sebab²-nya. Di-antara-nya ia-lah tolak ansor di-dalam pelaksanaan bahasa kebangsaan ini kerana itu-lah kita terpaksa memberi hak kera'ayatan sa-hingga *jus soli* pun telah di-berikan, sa-kali pun di-nafikan, namun amalan-nya menunjokkan bukti.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan-nya itu dari sa-hari ka-sahari di-tunggu Kerajaan mengadakan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kerajaan mengadakan kempen² Minggu Bahasa, Bui an Bahasa; Kerajaan mengadakan lagu Bahasa—Satu Negara, Satu Bahasa. Orang menunggu² pelaksanaan-nya dan tahun ka-10 telah hampir maka mesti-lah undang² di-buat kerana itu-lah kehendak Perlembagaan, Jadi, sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, datang-lah kepada kita Bill yang di-

tunggu² ini. Satu Bill yang di-dalam bahasa Inggeris-nya "An Act to provide for the use of the National Language" dan ada kembaran bahasa kebangsaan atau bahasa Melayu-nya yang berbunyi "Satu Act bagi meng-adakan peruntukan berkenaan dengan penggunaan Bahasa Kebangsaan".

Saya tidak tahu mana satu daripada Bill ini yang akan di-anggap saheh. Tetapi mungkin mudah sahaja di-jawab sebab Bill ini belum di-luluskan, kuat kuasa-nya belum berjalan jadi tentu-lah yang Inggeris-nya di-anggap saheh. Tajok daripada Bill ini sendiri sudah lari daripada apa yang di-gembar-gemborkan apabila Tunku Perdana Menteri di-Dewan Ra'ayat chuba hendak mengelakkan hujah² parti lawan—pembangkang² dan melepaskan diri dengan mudah, sa-kali pun macham burung kasawari. Dia tahu, dia akan menang dia kata kepala ini sahaja sudah chukup membuktikan Bill ini ia-lah bahasa kebangsaan. Saya membacha Bill ini satu Act bagi meng-adakan peruntukan berkenaan dengan penggunaan bahasa kebangsaan. Saya dapat mengambil faham tetapi tentu-lah tidak dapat saya yakin akan benar-nya bahawa "to provide" telah di-terjemahkan "kapada mengadakan peruntukan".

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kepala ini sahaja pun telah menimbulkan keraguan. Sebab, "to provide" pada faham saya "mensharatkan". Jadi, perkataan "peruntukan", "pembahagian", "penentuan" di-dalam bahasa Melayu ada mempunyai pengertian² yang tersendiri jadi pehak penggubal berpendapat dan pehak Kerajaan menyetuju² bahawa itu-lah pengertian yang paling hampir daripada bahasa Inggeris. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, itu-lah yang ingin saya katakan ia-itu terlalu silap jika hendak membuat undang² dalam bahasa lain sebab tidak ada pindaan daripada bahasa ka-bahasa yang dapat di-lakukan dengan sempurna. Mit'h-al-nya bahasa Melayu yang di-susun dengan sastera yang indah, tidak akan di-pindahkan ka-bahasa Inggeris sa-indeh yang dapat di-chipta di-dalam bahasa Melayu, demikian sa-balek-nya. Dengan sebab itu maksud daripada undang²

ini saya perchaya bukan hendak mengadakan peruntukan jika di-dasarkan kepada ucapan² Menteri² ia-itu hendak menjadikan bahasa Melayu bahasa kebangsaan, bahasa rasmi yang tunggal. Itu ucapan²-nya.

Jadi, saya faham tidak-lah tepat di-dalam ayat bahasa kebangsaan kita untuk mengatakan bagi mengadakan peruntukan, sebab kalau mengadakan peruntukan" ya'ani mithal-nya membahagi sa-suatu erti-nya peruntukan kepada Kedah \$100,000; kepada Sabah \$600,000; kepada Selangor \$400,000. Itu boleh di-katakan peruntukan dengan lain perkataan kalau kita gunakan "pembahagian" pun juga mempunyai ayat² yang bersendirian untuk perkataan "pembahagian" dan "penentuan" tentu-lah tidak tepat bagi maksud penggunaan dan perasmian, tetapi kalau di-fahamkan daripada semangat Perlembagaan Persekutuan, kalau di-fahamkan daripada semangat Bill yang di-hadapan kita ini, barangkali betul, sebab Bill ini, Tuan Yang di-Pertua, pada saya dan pada parti saya tidak merupakan satu Bill—Rang Undang² untuk merasmikan bahasa kebangsaan yang tunggal seperti yang di-harapkan² oleh ra'ayat 10 tahun yang lalu tetapi hanya sa-kadarkan untuk meyakinkan bangsa Melayu sudah-lah sampai masanya, tetapi bahasa Inggeris akan dipakai juga—itu sahaja. Jadi, kalau nama Bill ini di-mithalkan seperti satu sarang ayam, atau orang Kedah kata lau ayam, reban ayam mithal-nya, tetapi kita sudah tetapkan ini lau ayam, atau reban ayam, akan tetapi di-dalam ini juga kita mahu masokkan musang. Demikian-lah ada-nya ayam dan musang—Inggeris dan Melayu di-dalam satti Rang Undang² yang dahulu-nya kita harapkan tidak ada lagi musang sa-sudah 10 tahun, tetapi sekarang musang terus-menerus di-dalam satu sarang yang di-namakan Rang Undang² penggunaan bahasa kebangsaan. Susah-lah hidup ayam, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, berdasarkan kepada semangat undang² ini apabila di-perhatikan nyata-lah ia-nya akan membahagikan peruntukan penggunaan bahasa ia-itu peruntukan sekian peratus

akan di-laksanakan bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan, sekian peratus akan di-gunakan bahasa Inggeris sa-bagai bahasa rasmi di-mahkamah, sekian peratus akan di-gunakan bahasa kaum² lain—Tamil dan China bagi maksud² yang tertentu, maka barangkali betul-lah pengertian kepala daripada Rang Undang² ini, ia-itu bagi mengadakan peruntukan untuk bahasa Melayu dan lain² di-dalam perlaksanaan apa yang di-katakan hendak mengamalkan bahasa kebangsaan dalam tanah ayer kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, membaca surat khabar, mengikuti Radio dan Talivishen dalam soal bahasa ini berdebar² hati saya. Berdebar², Tuan Yang di-Pertua, kerana ini pada saya bukan sentiment, barangkali Dewan ini maseh mengingati ucapan bahath, Budget tahun yang lalu saya berchakap dan beberapa tahun dahulu pernah juga saya berchakap dan merayu meminta supaya jangan di-timbulkan soal bahasa² lain. Kita mahu hanya satu sa-bagai bukti ta'at setia yang sa-benar²-nya, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, malang-nya keadaan itu telah jadi sa-balek daripada apa yang kita harap²-kan. Bill ini nyata-lah tidak menunggal-kan bahasa Melayu tetapi menchampori di-dalam satu reban ayam dengan musang. Reban itu reban ayam, tetapi musang-nya ada juga. Kemudian ada ular sawa dan ada jebon, kata orang sa-belah utara Malaya jebon, satu jenis binatang juga makan ayam, tetapi dia cherdek. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, entah apa akan jadi kepada bahasa kebangsaan kelak? Bill ini memeranjatkan orang² UMNO sendiri. Mereka tidak-lah boleh menapikan sebab saya tidak bermusoh dengan orang UMNO, saya berkawan—memeranjatkan kata saya, kerana saya berjumpa dengan satu kawan, saya bertanya dia bagaimana dengan keadaan ini. Tidak ada Meshuarat Agong, tidak ada satu Meshuarat Agong di-buat bagi merubahkan sikap, nampak-nya dalam soal ini pun semua main dari atas. Sa-benar-nya apa boleh buat, kata-nya satu kemalangan-lah. Saya terpaksa ta'atkan pemimpin² yang suka bertolak ansor lagi sa-telah tahun yang lalu

pun berdegar² mengatakan kita tidak akan bertolak ansor sama sa-kali. Melihat keadaan ini maka berpantunlah saya

Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Untok keterangan yang jelas. Saya minta Ahli yang berchakap itu menerangkan orang UMNO mana ia yang menyatakan keterangan yang begitu terang tentang keraguan-nya terhadap pimpinan UMNO itu?

Tuan Amaluddin bin Darus: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, dia ini ingin benar hendak mendapat penjelasan. Boleh saya beritahu di-negeri Kelantan, tetapi tentu-lah sa-bahagian ta' boleh saya beritahu—itu confidential juga. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya kasehan juga melihat kawan kita itu mengeloh. Jadi, berpantun-lah saya:

Ku sangka nanas di-tengah padang,
Rupa-nya pandan berduri²,

Ku sangka panas sampai ka-petang,
Rupa-nya hujan di-tengah hari.

Bila dia dengar begitu dia pun makin sedeh. Kita ta' boleh buat apa² kata-nya. Jadi, bila dia kata begitu saya berpantun satu lagi:

Ku sangka panas sampai ka-petang,
Rupa-nya hujan di-tengah hari,
Tunggu-lah nasib di-masa datang,
Jadi kera sumbang di-negeri sendiri.

Itu-lah sebab-nya yang saya kata dia **menangiS**, tetapi nama-nya tidak boleh sebut, sebab malu, dia menangis, dia terlampau sedeh. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini soal besar—jadi, dalam soal ini, orang UMNO pun bersedeh, betapa pula orang yang bukan UMNO, betapa pula Persatuan Islam sa-Tanah Melayu, bukan anggota Perikatan—kita hanya sa-bentar tiga bulan ta' sampai dalam Perikatan dahulu dalam tahun 1953. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tidak hairan-lah kalau kita menentang dengan perasaan bukan emotion—ta' tentu hala, tetapi dengan perasaan tanggung jawab yang sa-benar²-nya terhadap negeri ini dan mahu melihat peraksanaan idaman kita sa-lama ini.

Tuan Yang di-Pertua, di-Indonesia mithal-nya kalau di-kira dari jumlah ra'ayat waktu hendak merdeka dahulu lebeh kurang 70 juta ra'ayat di-sana

hampir 40 juta ia-lah suku Jawa yang mempunyai bahasa Jawa-nya dan mempunyai kebudayaan-nya, mempunyai tulisan-nya, tetapi dalam menchari satu apa yang di-katakan bahasa kebangsaan, mereka telah mengambil bahasa Melayu yang di-Indonesia itu ada suku Melayu saperti suku Melayu di-Malaya ini kurang lebeh 10 juta pada waktu itu.

Jadi, di-dalam negeri kita ini—di-dalam negeri kita yang asal-usul-nya hak Melayu, sangat-lah 'adil apabila gulongan² lain bertolak-ansor menerima bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan. Tetapi, apa yang berlaku perubahan pada hari ini ada-lah di-sebabkan tuntutan demi tuntutan sehingga wujud-nya di-dalam Rang Undang² ini, Clause 3, ia-lah hasil tuntutan demi tuntutan daripada satu gulongan yang ingin kapada bahasa-nya menjadi bahasa rasmi.

Menjelang pilehan-roya tahun 1959, keadaan politik di-Malaya telah begitu tenat apabila timbul persoalan menuntut bahasa China menjadi bahasa rasmi. Khabar-nya, hampir² pilehan-roya nasional hendak di-gantungkan pada waktu itu sa-waktu Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri, tetapi kemudian-nya dapat di-lakukan tolak-ansor dan pilehan-roya itu di-jalankan.

Tuan Yang di-Pertua, sungguh nyata bahawa sa-nya apa yang di-lakukan sekarang ini ada-lah dengan permintaan M.C.A. Saya dengan segala hormat-nya tidak memandang M.C.A. itu lain daripada satu anggota daripada Parti Perikatan yang sama² warga-negara—kebetulan pula dapat memerintah negeri ini. Tetapi apa yang saya perkatakan sekarang ini, ternyata di-dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan atau sifat-nya sa-bagai Ketua M.C.A. di-dalam Dewan Ra'ayat—muka 19 ini pun jelas, kita telah meminta kalimah ini ma'ana-nya Clause 3, sa-mata² untok menjamin yang Kerajaan dapat berhubong lebeh mudah dan sa-terus-nya. Jadi, ada-lah sengaja di-minta oleh M.C.A. Sa-panjang yang mengenai M.I.C., di-akui baik dahulu dan sekarang, tidak menimbulkan masaalah ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bila ini terjadi tentu-lah sedeh kita—sedeh-nya kita, bukan saya sa-orang tetapi semua patut sedeh—kita semua patut sedeh, bagaimana-kah MCA meminta supaya di-chatetkan Clause 3, wal-hasil dahulu telah ada pengakuan bersama meng-akui bahasa kebangsaan menyebabkan orang Melayu menerusi UMNO bertolak-ansor dalam soal kera'ayatan. Mengapa sekarang ini di-minta jelas kenyataan ini dalam ucapan di-Dewan Ra'ayat di-minta dengan sengaja. Sebab-nya, kerana ada ormas²-nya—ini kita pinjam Indonesia punya per-kataan sedikit—organisasi masa yang mendesak—MCA organisasi masa itu saperti Persatuan Guru² China, saperti Persatuan Perniagaan China, dan Per-satuan Kebudayaan China—dan lain². Dan kerana kepentingan² politik, maka terpaksa-lah di-pertimbangkan oleh Tunku Abdul Rahman—ini-lah yang saya nampak. Berdasarkan daripada kejadian dan hakikat yang terjadi dengan benar ini, maka apa-kah yang dapat kita pegang kepada jaminan President MCA di-dalam Dewan Ra'ayat itu yang menyatakan dalam pada itu dia hendak menjelaskan pehak MCA tidak-lah bertujuan untuk meng-gunakan Fasal 3 di-dalam Rang Un-dang² ini sa-bagai alat untuk mendapat jaminan perasmian bahasa China sa-bagai salah satu bahasa rasmi dalam negeri ini. Apa-kah satu jaminan yang dapat kita berpegang bahawa MCA tidak akan menuntut, atau gulongan² lain parti² politik lain jika MCA sudah mati. tidak akan menuntut peraksa-nya bahasa rasmi bahasa mereka—apa-kah jaminan? Dalil-nya, bokti-nya, telah di-persetujui oleh MCA pada tahun² yang lalu sa-hingga itu-lah sebab-nya orang² UMNO sanggup bertolak-ansor dalam soal kera'ayatan. Sekarang dia yang minta pula, kerana tekanan—pressure—daripada ormas²-nya. Jadi, apa-kah jaminan akan datang yang ormas²-nya pada masa hadapan—beberapa tahun yang akan datang, tidak akan mendesak pula mahu di-rasmikan bahasa-nya.

Sekarang ini jaminan ini di-sebut dalam—perlaksanaan-nya macham se-karang—ya'ani macham yang ada se-karang, jadi mana yang penting kepada

orang ramai akan di-layan. Baik—saya bagi satu mithal, Tuan Yang di-Pertua, sa-suatu yang perlu dan penting dengan orang ramai, jadi Kerajaan buat. Kata Tunku, Kerajaan tidak mesti buat apa yang di-minta. Kerajaan hanya buat apa yang di-tentukan oleh Kerajaan sendiri. Tetapi Kerajaan telah membuat Perlembagaan, Kerajaan berkewajipan melindungi pula Perlembagaan itu. Tetapi ini bokti-nya Kerajaan telah membuat apa yang di-minta, dengan ada-nya Clause 3 dan pengakuan yang terang² dalam Dewan Ra'ayat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mithal-nya yang saya akan bagi di-dalam negeri kita ini ada satu alat yang penting—alat persambongan di-antara manusia dengan manusia, terutama-nya dari sudut perniagaan, ia-itu alat talipon. Kepentingan talipon terutama-nya ia-lah kepada perdagangan² yang dapat menghubungkan satu dengan lain di-dalam soal perdagangan. Pada masa yang lalu, dan sa-hingga pada masa ini kita memberi talipon² directory dan sekarang ini di-panggil panduan tali-pon, siapa-kah yang boleh menghalang sa-telah ada-nya Clause 3 ini, daripada gulongan² ra'ayat yang mempunyai kepentingan perniagaan yang banyak dalam negeri ini, pada satu ketika kelak menuntut kepada Kerajaan dan menekan, menggunakan *pressure* me-reka supaya buku yang di-katakan buku panduan talipon itu di-keluarkan di-dalam bahasa kaum². Siapa-kah yang boleh menghalang mereka?—Jalan telah terbuka. Kata Tunku Perdana Menteri kita, Kerajaan tidak akan ikut—Kerajaan yang menentukan apa yang hendak di-buat. Tetapi mereka mempunyai kekuatan, tekanan yang saperti ini boleh di-ubah, boleh di-tambah Clause 3, demikian pula masa hadapan, kemungkinan di-tekan sa-hingga meruntuhkan atau melemahkan kedudukan Jabatan Talipon sendiri.

Mithal-nya sekarang, dengan ber-laku-nya chukai 10 sen untuk talipon, Jabatan Talikom ada menderita sedikit, ada menerima kesan sedikit daripada perubahan ini. Sebab, kedai² kopi sudah menukar talipon-nya kepada tali-pon orang ramai. Hotel² tidak mahu,

melainkan di-charge orang yang menumpang kalau hendak minta sa-chawan kopi, sa-chawan kopi harga 20 sen untuk membayar talipon 10 sen, jadi orang tidak mahu menggunakan talipon. Dan kalau pada masa hadapan timbul tindakan² memaksa Kerajaan membuat buku talipon di-dalam bahasa kaum² di-iringi dengan tindakan² memboikot buat satu ketika sudah cukup untuk mengubah suasana politik tanah ayer kita ini. Pengalaman² yang lalu telah menunjokkan bagitu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam soal yang begitu besar, Tun Abdul Razak menyatakan telah di-sokong oleh ramai, bahkan sa-telah keluar daripada perjumpaan UMNO yang di-buat sa-chara tertutup baharu² ini beliau menyatakan ketua² UMNO semua sudah terima. Saya berani bertaruh kenyataan itu tidak betul. Apa yang di-adakan perjumpaan di-Kuala Lumpur pada hari Juma'at dahulu bukan mengadakan meshuarat untuk meminta fikiran atau meminta sokongan, tetapi satu meshuarat yang di-panggil untuk diberi directive, di-beri arahan, di-beri perintah, faham-lah dan balek betul - kan fikiran orang² kampong supaya menyokong apa yang di-buat oleh Kerajaan. Dasar Kerajaan telah di-siapkan, Bill telah di-kemukakan ka-dalam Dewan Ra'ayat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini Bill ini telah ada di-hadapan kita sa-sudah di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat yang Kerajaan tidak bersedia untuk menimbang fikiran² daripada Pembangkang khusus-nya dari PAS sa-balek-nya awal², siang² lagi Kerajaan melemparkan sa-siapa yang menentang Bill ini ada-lah pengkhianat—Apabila berlaku tunjok perasaan di-luar—itu halal, keluar satu kenyataan, Kerajaan, anasir² komunis. Timbul demonstrasi di-luar kelas oleh penuntut² di-College Islam, maka timbul kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, ada anasir² komunis. Tentu-lah sangat mengechewakan anak² kita itu yang maseh muda darah-nya. Mereka itu dengan perasaan, perasaan mereka itu boleh di-tenangkan dengan chara bijak, tetapi sangat malang-nya kebijaksanaan yang ada kepada Men-

teri Pelajaran kita ia-lah sekadar untuk mengatakan, "kalau itu komunis, kalau ini komunis, kalaju itu komunis—kalau PAS, ulama²-nya dajal. Itu kebolehan yang ada pada-nya menyebabkan budak² itu mahu membuktikan kepada Khir Johari sendiri mereka bukan komunis, ta'kan-lah pula budak² itu komunis.

Sa-waktu Yang Berhormat Menteri Pelajaran pergi ka-College Islam khabar-nya, konon-nya, budak² itu chuba menahan, menyekat², bukan dia hendak pukul, dia chuma hendak tunjukkan buktikan dan mencheritakan betul², "kami bukan komunis, jangan tudohlah kami komunis, kami hendak belajar." Menteri kita ini melompat pagar balek mengikut pintu belakang dengan kereta lain, balek mari ambil tindakan tutup College Islam dan halau budak² itu balek. Belum berat lagi kejadian ini, belum berat lagi; baharu budak² gempar sahaja melompat pagar lari naik motor car lain balek. Kalau PAS membuat gempar pula

Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Dato' Yang di-Pertua, ada satu untuk penjelasan kerana Ahli Yang Berhormat yang berchakap itu fasal penutupan College Islam memberi tahu kepada saya sa-malam sendiri, dia kata Enche' Khir Johari tidak melompat pagar lari macham mana Ahli yang berchakap itu. Saya ingat dia betulkan perchakapan dia itu.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak payah membetulkan ucapan saya itu sebab kalau Ahli Yang Berhormat itu dapat faham, saya telah menyebut tadi konon-nya—jadi sudah tidak payah di-betulkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap jangan-lah Kerajaan bertindak terhadap anak² kita yang ingin menyambungkan pelajaran itu atas asas ini dan saya perchaya tidak ada hasutan² tunjok perasaan ini. Perasaan mereka untuk mengadakan demonstrasi kerana ada chontoh² berlaku, pelajar² bertindak di-Indonesia sampai sekarang ada lagi, kerana itu anak² muda biasa-nya mudah terpengaruh dengan sendiri-nya.

Jadi perasaan muda mereka itu mungkin menjadi begitu dan tidak ada sebab-nya untuk mengadakan pe-penyiasatan hendak menyingkirkan sa-bahagian dan menerima kembali sa-bahagian, yang mana saya perchaya itu-lah yang akan di-jalankan oleh Kerajaan hasil daripada tindakan menutup dan menyuroh balek dahulu kemudian itu baharu-lah akan di-panggil sedikit demi sedikit. Jangan di-lakukan kezaliman kepada anak² yang chintakan pelajaran-nya, ma'afkan mereka dan beri peluang kembali mereka belajar semua sa-kali.

Tuan Yang di-Pertua, PAS sudah tentu-lah akan berchakap dalam soal ini dan seperti Yang Berhormat Tun pagi tadi mengatakan, "ada parti politik." Tentu-lah di-maksudkan PAS ini dan tidak ada modal, sa-benar-nya kita maseh banyak modal, boleh berchakap bermacam² lagi.

Tuan Yang di-Pertua, apa sebab terjadi seperti yang terjadi sekarang ini? Rasa hati orang² UMNO daripada awal saya perchaya ikhlas mahu melaksanakan dengan betul² dan orang MCA juga, pemimpin² yang luas fikiran-nya, saya perchaya ikhlas dalam memberi sokongan pada masa yang lalu, tetapi apa yang telah terjadi seperti yang telah terjadi sekarang ini, ia-lah lahir Bill yang memasokkan dalam satu reban ayam ada musang ada ular sawa dan ada jebon. Apa sebab? Kesalahan Kerajaan sendiri! Kalau hendak chari kesalahan bukan kepada penuntut College Islam, bukan kepada orang UMNO yang tidak senang, bukan kepada orang PAS yang membangkang, tetapi Kerajaan sendiri ia-itu kelemahan Kerajaan melaksanakan benda itu sedikit demi sedikit daripada mula-nya. Gambar-nya ada dalam Dewan Bahasa dan Pustaka tetapi dalam Jabatan tidak. Bersungguh² sa-hingga dalam surat khabar baharu² ini ada di-ulas orang, beberapa bulan yang lalu di-ambil satu pemberita dalam Radio Malaysia orang yang tidak mengerti bahasa kebangsaan pula—baharu sa-minggu, dua minggu barangkali. Jadi itu kesalahan Kerajaan sendiri dan kesalahan Kerajaan ini kerana saya tidak mahu

menunjokkan sangat emotion atau emosi tentu-lah di-sebabkan oleh kelemahan² Perlembagaan pula.

Perlembagaan Persekutuan, Tuan Yang di-Pertua, di-buat oleh orang² yang bijak, di-buat oleh pakar undang² yang di-pengerusikan oleh Lord Reid dan ini dahulu-nya telah kami sedari dari awal. Reid Commission merupakan Free Commission ada-lah salinan yang berselindung daripada tuntutan² Royal Commission perlu di-datangi katanah ayer bangsa Melayu ini bagi menilai dan bagi menentukan hak² kaum² lain di-dalam tanah ayer bangsa Melayu untuk mengelakkan terlalu nampak berterang²-nya, "Tidak perlu", kata Tunku Abdul Rahman, sebab negeri ini protected bukan colony, tidak perlu ada Royal Commission, maka di-buat-lah Reid Commission—Surohanjaya Bebas— dua kali lima, lima kali dua dan natijah-nya tentu bagini, daripada hari yang pertama lagi sa-belum di-pinda² Perlembagaan ini kami mengetahui apa yang akan terjadi sekarang ini, sebab itu di-dalam sharahan² kami di-kampong² menyedarkan ra'ayat telah kami bincangkan, kemungkinan terjadi dengan undang² yang terbit pada hari ini. Kita sedar yang tertipu bukan orang² PAS, tetapi malang-nya orang² UMNO seperti yang saya katakan tadi menangis.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita menyedari putar belit-nya bahasa Inggeris. Saya melihat di-dalam Bill ini, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Bill ini di-kaitkan dengan Perlembagaan Fasal 152, tetapi Fasal 152 itu sudah nyata longgar. Demikian longgar-nya sa-hingga boleh melakukan penafsiran yang berbedza di-antara sahabat saya Yang Berhormat Wan Mustapha dengan kawan kita Yang Berhormat Senator Athi Nahappan. Dalam penafsiran Clause 1 (b) sudah ada perbedzaan penafsiran-nya. Dan kalau Dewan ini maseh mengingati apa yang pernah saya ucapkan pada suatu masa dahulu dalam memperchakapkan hal bahasa ini saya kata saya waktu di-sekolah ada sa-orang French datang melawat sekolah saya, dia mengatakan bagus yang tuan² pelajari sekarang ini sebab bahasa

dunia ini ada empat yang penting. Bahasa Arab bahasa undang², aku atau tidak aku, Europe sendiri menerima perubahan dan tamaddun daripada perkembangan agama Islam sampai ke-Eropah. Bahasa French bahasa perjanjian. Dan bahasa Jerman bahasa teknik, bahasa engineering, bahasa technical. Bahasa Inggeris bahasa saudagar, bahasa perdagangan, bahasa putar belit. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kelonggaran² yang ada di-antara kalimat demi kalimat di-dalam Perlembagaan itu sendiri telah menunjukkan kepada kami bahawa ini akan terjadi pada waktu-nya, dan terjadi-lah sekarang ini.

Sa-bagai satu parti politik, bila sampai sa'at-nya yang boleh kita mengatakan bangkangan tentu-lah kita akan menyatakan bangkangan kita di-waktu dan di-sa'at-nya—di-kampong² bertahun² telah kami sharahkan perkara ini, benda yang hendak jadi ini telah terjadi sekarang jni. Dan insha' Allah ramai-lah orang² UMNO akan masuk PAS.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukachita lagi hendak memperkatakan soal yang tadi ada timbul di-antara Yang Berhormat Menteri Tanah dan Lombong dengan sahabat saya Wan Mustapha, kerana beliau meminta jaminan—memang sukar-lah untuk memberi jaminan. Saya suka melihat di-dalam Bill ini tidak ada jaminan, sampai bila-kah bahasa Inggeris itu di-pakai, dan tidak ada jaminan itu ada hubongannya dengan Perlembagaan juga. Saya boleh memahami, sebab Perlembagaan Fasal 152 untuk Tanah Melayu sa-sudah 10 tahun merdeka ini ada hubongan dengan Perlembagaan Fasal 161 di-dalam Perlembagaan ini juga, ada hubongan satu sama lain yang merupakan dirty trick dari segi politik. Bukan Perlembagaan ini

Menteri Tanah dan Galian (Tuan Abdul Rahman bin Ya'kub): Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Soal jawab di-antara saya dan Yang Berhormat Wan Mustapha pagi ini bukan mengenai Clause 4 tetapi mengenai Clause 3.

Tuan Amaluddin bin Darus: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, bising agak di-luar tadi, dudok minum. Jadi, Yang di-Pertua, nyata-lah bahawa jaminan pelaksanaan pemakaian bahasa Inggeris ini tidak boleh di-bagi Saya perchaya, sukar hendak di-bagi. Saya boleh mengerti sebab Fasal 161 dan hubongan dengan pelaksanaan bahasa kebangsaan pada masa depan atau satu perubahan akan datang, ia-itu tak ada satu Undang² dalam Parlimen yang boleh di-sharatkan kerana menghormati kepada negeri² Malaysia Timor ia-itu Borneo States, oleh kerana ada Clause² lain lagi yang memberi hak mereka 10 tahun sa-sudah Malaysia, baharu akan menimbangkan, bukan Parlimen yang menimbangkan dahulu, dia orang sendiri, negeri Sarawak dan Sabah itu masing² akan menentukan apa-kah bahasa Inggeris akan di-pakai lagi, atau di-tukar kepada bahasa kebangsaan. Jadi terikat oleh itu pula, maka Parlimen tidak boleh membuat Undang² membataskan bahasa Inggeris. Ini sudah berlaku bertahun² dahulu. Kalau dari segi sentimen kemelayuan, maka sudah boleh di-katakan pengkhianatan-nya telah di-buat daripada awal² lagi. Tetapi saya tidak mahu tunjok saya terlalu kebudakan, kerana kita dudok di-dalam Dewan tinggi ini sadikit. Jadi biar-lah kita ini tua² sadikit fikir-nya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak ada jaminan sa-hingga bila-kah kedaulatan bangsa Inggeris akan di-rentikan di-dalam penggunaan di-mahkamah², bahkan termasuk Bill² yang di-katakan akan di-buat dalam bahasa Melayu dan di-anggap sah juga di-buat dalam bahasa Inggeris tetapi boleh di-kechualikan, jika dengan perintah Yang di-Pertuan Agong. Kita faham bila² masa boleh gol bahasa Inggeris juga. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana-kah kita hendak meletakkan bahasa Melayu di-singghasana yang berdaulat? Bagaimana dengan kedudokkan saperti ini? Siapa-kah yang hendak menghormati bahasa kebangsaan? 10 tahun di-Malaya ini sudah chukup, kalau kita mahu melihat chontoh. Sa-hingga hari ini dengan segala hormat-nya saya menguchapkan tahniah kepada sahabat

kita Senator Athi Nahappan. Hanya beliau sa-orang sahaja-lah yang mula menunjukkan bukti tulin memberi kupasan² ilmiah dalam Perlembagaan dalam bahasa kebangsaan di-negeri ini.

Saya, perchaya, Tuan Yang di-Pertua, kalau beliau menanam pokok pada hari ini bukan hari ini pula yang dapat di-makan buah-nya. Telah lama mempelajari dan mendalami bahasa kebangsaan, tetapi mengapa gagal dalam alat² negara, pada hal beliau bukan pegawai Kerajaan? Mengapa gagal dalam alat pentadbiran? Kerana tidak ada kesungguhan Kerajaan didalam pelaksanaan bahasa kebangsaan. Kerajaan mengharapkan sesudah 1 September, 1967, boleh di-amalkan bahasa kebangsaan, itu satu perkara mustahil. Hendak di-tanam pokok hari ini, hendak memetek buah-nya hari ini tidak boleh. Dari dahulu lagi mesti di-jalankan, tetapi Kerajaan telah menchuaikan tanggung jawab bagi pelaksanaan benda ini. Jadi sekarang ini-lah alasan Tunku Abdul Rahman dan alasan Tun Abdul Razak. Saya pernah membuat Uchapan Tanggohan dalam Dewan ini dalam soal bahasa yang di-jawab oleh Yang Berhormat bekas Menteri Pelajaran, Doktor Abdul Rahman Talib. Beliau mengatakan saya menchari publicity saya tidak ada keperluan dan hajat untuk menchari publicity. Sekarang pun sejak dua tahun lebeh saya tidak dapat publicity dalam akhbar², tetapi saya mahu mengatakan sa-suatu yang mana hak. Saya telah mengatakan hendak-lah Kerajaan melancarkan usaha² melaksana bahasa kebangsaan menjelang hendak sampai kepada masa ini bukan dengan jalan menyuroh orang itu belajar, siap guru, bagi dia elaun, kalau dia lulus bahasa. Kelas satu, buku Sang Kanchil, kelas dua ini, kelas tiga ini—itu sahaja bahasa Melayu, bukan begitu. Hendak-lah Kerajaan menyatakan dengan tegas; Kamu hendak-lah mempelajari bahasa Melayu dan ada pemereksaan dan ke-bolehan dan kalau tidak boleh erti-nya increment-nya tidak naik, bukan dzalim, bukan dzalim bagi kepentingan national, tetapi ini di-katakan saya menchari publicity dia mengatakan

Kerajaan Perikatan tegas menjalankan, sekarang ini terbukti tak boleh jalan, sebab orang² itu belajar sambil lewa dia tidak mengharga'i bahasa kebangsaan, ma'af saya tidak mahu menyebut banyak lagi bagaimana penyelewengan² dan permainan² oleh sa-tengah² gulungan pegawai Kerajaan sendiri terhadap bahasa kebangsaan ini sendiri, termasuk orang Melayu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan tegas dari dahulu mesti benda ini boleh di-jalankan. Ini Kerajaan memang tak tegas dari dahulu pun tak tegas dan dengan kebetulan keadaan² dalam Perlembagaan ini sendiri membuka jalan banyak, ada way out-nya. Jadi, jadi-lah macham ini. Kerajaan hendak marah pula bila orang bangkang, pengkhianat konon, kominis konon, tak ada modal konon, janganlah kata macham itu, kalau tak mahu mengaku pun diam² sudah-lah, mengaku-lah salah awak sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu-lah meneruskan perbahathan ini panjang², beberapa orang sudah berchakap banyak dari Dewan Ra'ayat walau pun saya berchakap dengan lenggang lain di-dalam Dewan ini, banyak lagi modal saya boleh keluarkan, tetapi orang lain hendak berchakap, dan Dewan ini akan bersidang sampai tengah malam. Saya ringkas-kan, chuma penutup-nya saya sukachita hendak menyebut kepada Kerajaan bagaimana sa-kali pun, kira-nya ada niat yang ikhlas daripada Kerajaan hendak melaksanakan penggunaan bahasa kebangsaan dan akan melaksanakan kehendak Bill yang di-katakan bahasa Melayu bahasa saheh dalam Undang² akan datang, saya minta-lah dengan segala hormat-nya supaya didalam merangkakan sa-barang Rang Undang² hendak-lah di-rangkakan didalam bahasa kebangsaan. Perchaya-lah Kerajaan akan gagal sampai bila² pun, untok menemui atau menchapai maksud dan tujuan pelaksanaan bahasa kebangsaan terutama dari segi Undang², jika di-buat, atau di-gubal dalam bahasa Inggeris tidak di-mulakan dengan bahasa kebangsaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kerana itu hendak ada-lah beberapa orang yang chekap di-dalam bahasa kebangsaan yang boleh menggubal Undang². Saya tidak mahu ada chemohan² saperti saya dengar ada terjemahan Undang² Melayu di-Kelantan bila di-bacha oleh sa-orang loyar kata-nya saya pun tak faham. Fasal jalan bahasa-nya lain sadikit, dia tidak faham jadi refer kepada Inggeris juga. Dia Melayu, saya tidak mahu mendengar ada chemohan² sa-orang Pegawai Pentadbir Kedah yang sekarang sudah jadi besar dalam Malaya ini, Perdana Menteri yang mengatakan tidak di-dalam Dewan Ra'ayat tetapi pada satu orang, orang itu bagi tahu saya, yang mengatakan susah menghadapi ini, terjemahan² undang² yang di-buat di-Kedah dalam bahasa Melayu ka-Araban², jadi susah, mahu tak mahu terpaksa refer kepada bahasa Inggeris. Ia memang kita tahu menchari orang² yang ahli dalam bahasa kebangsaan dari kalangan² pegawai² tinggi kita dan mereka menggubalkan, menyatakan perasaan dan hasrat yang di-kehendaki dari spirit Undang².

Apabila kita sudah buat mengikut spirit Undang² apa yang kita mahu perasaan itu-lah yang kita tuliskan di-sana. Jadi-lah ia sa-suatu yang di-kehendaki, kemudian daripada itu terjemah-lah kepada bahasa Inggeris apa juga timbul salah faham kembali kepada bahasa kebangsaan yang saheh. Tetapi kalau kita tidak buat dengan bahasa kebangsaan, dia akan jadi-lah bagini masaalah-nya. Jadi, soal-nya sekarang ini tepok dada tanya selera. Kalau saya tentang panjang pun Kerajaan punya dasar hendak steamroll juga. Erti-nya benda itu orang² ini sudah tunggu hendak undi. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya Kerajaan tolong-lah berbuat sa-suatu jangan ha-nya indah khabar dari rupa, kerana saya hendak lawan pun tentu kalah juga. Sekian.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penoh Rang Undang² Bahasa Kebangsaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya berjalan terus, saya suka-lah sadikit menjawab Yang Berhormat Enche' Amaluddin tadi atas satu perkara. Dia tak lagi puas hati kerana di-karang Undang² ini tidak bagi yang penoh chukup, chuma ada bahasa Inggeris sahaja. Saya tak tahu-lah barangkali oleh sebab Rang Undang² ini di-tulis dalam bahasa Inggeris, barangkali dia tak faham Inggeris, jadi barangkali dia tak tahu. Sa-benar-nya ini sudah bagi chukup bahawa bahasa kebangsaan akan menjadi bahasa rasmi chuma yang Inggeris itu ia-lah di-pakai untuk Clause 4 ia-itu di-beri kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong supaya boleh memberi kebenaran untuk menggunakan bahasa Inggeris di-mana² pen-tadbiran.

Yang kedua-nya, di-gunakan Inggeris ini dalam Clause 5 ia-itu di-beri peluang kepada President Dewan Negara dan juga Dewan Ra'ayat dan juga Dewan Negeri² supaya mana² ahli boleh berchakap dalam bahasa Inggeris. Betul tidak, bukan?

Tuan Amaluddin bin Darus: Satu pertanyaan, Ahli Yang Berhormat itu menegor saya, saya hendak bertanya pada Ahli Yang Berhormat ada-kah perkataan rasmi dalam Bill ini, ada-kah official?

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, kemudian tadi satu perkara yang saya berasa pelek kerana dia nampak terlampau fanatic dalam bahasa Inggeris. Sampai dia bandingkan bahasa Inggeris dengan bahasa kebangsaan sa-bagai musang dengan ayam. Kata-nya bahasa kebangsaan ini di-jadikan ayam, dan bahasa Inggeris musang, di-buboh dua² dalam reban, ini tentu-lah kalau di-taroh dua² tentu-lah musang makan ayam. Tetapi, saya suka-lah menyeru kepada beliau kalau begitu fanatic kita kena fikir satu² sa-habis² dalam. Ada-kah bahasa Inggeris ini yang ada lagi ini menjadi munafa'at kepada kita, terutama sa-kali kepada kita orang Melayu, terutama sa-kali orang Melayu dan bapa Melayu.

Saya bagi tahu satu ia-itu apa yang terjadi kepada diri saya sa-bagai sa-orang bapa Melayu. Baru ini anak saya sudah masuk Tingkatan VI dan lulus, dia tak dapat full Higher Certificate chuma dapat G.C.E. sahaja. Tetapi, oleh sebab itu dia tak boleh masuk Universiti Malaya, kerana Universiti Malaya ini tinggi daripada lain universiti siapa ada full Higher Certificate boleh masuk. G.C.E. tak boleh, G.C.E. ini boleh masuk di-England, di-Canada, Australia, di-New Zealand dan India. Tetapi, oleh sebab anak saya itu dia melalui dalam saluran bahasa Inggeris dia dapat pergi pula ka-Australia. Saya suka kalau anak saya itu jadi anak Yang Berhormat sendiri kalau dia pass G.C.E. dalam bahasa kebangsaan sahaja. jadi oleh sebab G.C.E. itu tidak di-terima oleh Universiti Malaya di-mana-kah anak beliau boleh pergi? Dia tak boleh ka-Australia, dia tak boleh pergi ka-mana, pada masa itu baru beliau tahu apa guna-nya bahasa Inggeris, anak beliau akan teriak sebab tak boleh pergi mana, Universiti Malaya pun tak boleh, ka-luar negeri pun tak boleh. Pada masa itu-lah anak belau akan berteriak, baru beliau sa-bagai bapa, baru ingat, baru ingat sudah silap. Anak akan kata, barangkali anak itu, chachi pula bapa-nya, pak punya fasal-lah tak pergi mengaji orang puteh, jadi tak boleh pergi mana, itu-lah saya katakan mesti fikir habis, kerana Inggeris itu maseh lagi kita kena guna. Jikalau kita buang terus, mana hendak pergi anak kita, orang Melayu-lah yang akan rosak. Kerana kita tidak ada wang hendak hantar keluar negeri. Orang yang kaya boleh-lah mereka hantar.

Tuan Amaluddin bin Darus: On a point of information. Ahli Yang Berhormat itu salah faham, saya berchakap dari segi pelaksanaan bahasa rasmi bukan dari segi bahasa Inggeris di-sekolah, sebab itu satu mata pelajaran siapa pun boleh terima. Yang saya berchakap tadi soal rasmi.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Jadi, sebab bahasa Inggeris di-mana pun sa-macham-lah, saya fikir. Baiklah, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak satu sebab kerana apa bahasa

kebangsaan ini tidak dapat di-implementkan bagi perjalanan dalam negeri. Kerana saya orang negeri Kedah, kami di-negeri Kedah berpuluh dan beratus tahun sudah dahulu kami menggunakan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi di-negeri itu. Gezet Kerajaan, akhbar Kerajaan pun dahulu sa-belum perang di-tulis dalam bahasa Melayu, Jawi, bukan Rumi—dengan Jawi. Dan juga segala surat antara Kerajaan dengan orang awam semua di-tulis dalam bahasa Melayu, Jawi pula. Dan sa-belum perang ini dahulu di-negeri Kedah perbicharaan di-Mahkamah pun di-jalankan dengan bahasa Melayu. Maka dengan kerana itu jikalau kami dahulu beratus tahun di-Kedah boleh jalankan perkara ini dalam bahasa Melayu masa orang puteh, masa penjajahan orang puteh, tambah pula sekarang kita sudah merdeka dan orang kami di-negeri Kedah yang jadi ketua, yang jadi Perdana Menteri Malaysia, takkan-lah tak boleh pulak di-jalankan dengan bahasa kebangsaan di-pentadbiran negeri.

Satu lagi perkara saya tidak nampak bahawa Bill ini akan memberi kerugian kepada sa-barang warga negara Malaysia, baik pun dia orang Melayu, baik pun dia orang China atau orang India. Kapada orang Melayu apa lagi yang mereka berkehendakkan kerana bahasa Melayu sudah menjadi bahasa rasmi. Kapada orang China dan India apa lagi hendak. kerana awak maseh lagi di-benarkan bertutor di-dalam bahasa Inggeris. Jikalau awak hendak berchakap di-dalam Dewan ini, di-Dewan Rendah dan Dewan Negeri, dan juga jikalau ada apa perkerjaan di-pejabat yang patut di-jalankan dengan bahasa Inggeris, kamu maseh lagi di-beri kuasa kerana Yang di-Pertuan Agong akan benar di-jalankan lagi. Jadi pehak orang China—orang China yang tua barangkali yang tidak boleh berchakap bahasa kebangsaan ada juga di-dalam clause ini di-beri peluang, jikalau ada perkara sa-bagai dharurat yang kena Kerajaan keluarkan notice banyak, maka boleh-lah—berkuasa-lah Kerajaan mengeluarkan dengan bahasa China dan India. Jadi apa lagi mahu. bukan di-tegah sunggoh pun bahasa kebangsaan bahasa rasmi tidak

di-tegah siapa pun boleh berchakap bahasa apa yang dia hendak chakap, dia hendak chakap India pun dia boleh berchakap, dia hendak berchakap China pun dia boleh berchakap, dia hendak berchakap orang puteh pun boleh berchakap chuma bahasa rasmi sahaja. Jadi, oleh sebab itu saya tidak nampak satu pun yang merugikan siapa², sa-kali pun. Jadi kalau betul² ada orang kita, orang Malaysia—orang warga negara Malaysia yang maseh lagi bantah, saya kata orang itu jahat-lah, memang betul jahat-lah. Jadi apa yang dia mahu lagi, semua sudah ada?

Tuan Yang di-Pertua, sa-belum itu, saya ada satu lagi berasa kurang jelas sadikit ia-itu perkara Clause 8. Dalam Clause 8 ini, dia kata "All proceedings (other than the giving of evidence by a witness) in the Federal Court, the High Court or any subordinate court shall be in the national language or in the English language or partly in the national language and partly in the English language". Jadi saya hairan, fasal apa partly in the national language and partly in the English language. Jadi bagaimana, ada-kah di-benarkan dalam court itu bahasa kebangsaan pun boleh, bahasa Inggeris pun boleh, sa-tengah bahasa kebangsaan dan sa-lengah bahasa Inggeris. Barangkali saya fikir lebeh baik-lah barangkali takut terganggu lebeh baik di-benarkan bichara bahasa kebangsaan, bahasa kebangsaan-lah. Kalau di-benarkan bahasa Inggeris, bahasa Inggeris-lah; kalau sa-tengah² bahasa kebangsaan barangkali tidak sedap. itu terpulang-lah kepada tuan² menimbang-nya. Jadi saya berasa kalau sa-tengah Melayu sa-tengah orang puteh barangkali.....

Dato' Dr Cheah Toon Lok: Mr President, Sir, on a point of clarification. It is for the Court to interpret.

Tuan Abdul Samad bin Osman: But it did not say. That means, "all proceedings (other than the giving of evidence by a witness) in the Federal Court....." Tidak payah-lah itu, Menteri akan jawab (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu perkara lagi berkenaan, dengan bahasa kebangsaan ini. Baharu² ini saya

dengar, saya dapat tahu kata, Utusan Melayu marah kepada saya, sebab saya berchakap dalam bahasa Inggeris tiga hari sudah dalam meshuarat Budget. Jadi saya pun hairan kenapa Utusan Melayu marah. Kalau-lah Menteri² Melayu berchakap orang puteh Utusan Melayu tidak marah barangkali dia takut—tidak berani. Kalau back bencher Melayu berchakap orang puteh dia marah (*Ketawa*), jadi saya pun hairan-lah. Jadi, saya fikir sikap Utusan Melayu ini pelek. Sa-benar-nya, Utusan Melayu patut berasa bangga bila saya sa-orang back-bencher Melayu boleh berchakap dalam bahasa Inggeris yang faseh semua orang boleh dengar, dia patut berasa bangga tetapi dia marah pula. Jadi, yang dia marah itu saya hairan. Jadi sebab-nya saya hendak bawa ini, kerana saya berchakap dalam bahasa Inggeris itu ada sebab. Jadi saya suka beri tahu Utusan Melayu bahawa saya pun passed juga bahasa kebangsaan. 30 tahun dahulu masa saya masok pereksa Cambridge saya passed dapat "A"—distinction—dalam bahasa Melayu, (*Teook*). Barangkali pengarah Utusan Melayu itu pun tidak dapat distinction, kalau dapat pun tidak distinction kerana distinction yang paling tinggi. Jadi, sebab itu saya ada kebolehan berchakap bahasa Melayu dengan faseh-nya, chuma yang saya tidak chakap hari itu ia-lah ini sahaja, kerana ada sa-tengah² perkataan technical yang tidak dapat kita terjemahkan dalam bahasa kebangsaan lagi.

Saya mithalkan pada hari itu saya berchakap berkenaan dengan padi ria. Saya kata padi ria pokok-nya itu erect atau Melayu kata tegak. Pokok padi ria itu rendah tetapi tegak, oleh sebab dia tegak itu maka chahaya mata hari boleh masok dan boleh-lah dapat chahaya mata hari dengan sa-penoh-nya. Dengan dapat chahaya mata hari sa-penoh-nya baharu-lah naik photosynthesis atau carbon-assimilation. Saya chari dalam bahasa kebangsaan apa terjemahan photosynthesis ini, tengok kamus tidak jumpa. Fasal itu-lah saya berchakap bahasa Inggeris. Kalau Utusan Melayu boleh terjemahkan kepada saya ma'ana photosynthesis dan carbon-assimilation ini, saya

mengaku masa ka-hadapan saya akan berchakap dalam bahasa kebangsaan. Itu-lah sebab saya berchakap dalam bahasa Inggeris bukan saya hendak menunjokkan saya pandai bahasa Inggeris.

Tuan Andrew Jika Landau: Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit kerana menyokong Rang Undang² yang di-kemukakan di-dalam Dewan ini. Kita pun sudah dengar beberapa pensharah² yang memberi fikiran mereka tiap² sa-orang. Jadi saya melihat di-dalam Rang Undang² ini mengatakan tidak-lah Rang Undang² ini di-jalankan kuat kuasa-nya di-dalam negeri Sarawak atau pun Sabah tetapi, Tuan Yang di-Pertua, bila saya memperingatkan ia-itu masa Sarawak masok di-dalam Malaysia mendapatkan kemerdekaan itu, kami di-sana pun di-beri peluang ia-itu sa-lepas daripada 10 tahun maka bahasa kebangsaan ia-itu bahasa Melayu akan di-jadikan bahasa rasmi—official language, dalam bahasa Inggeris. Kita akan tinggal lagi selama 7 tahun dan apabila kita melupakan atau pun kita membiarkan bahasa kebangsaan ini tidak di-pelajari maka ketinggalan penduduk² di-Sarawak atau pun di-Sabah. Jadi, oleh kerana itu saya mahu juga berchampur di-dalam perbahathan² Rang Undang² ini. Yang saya nampak ia-itu dalam pandangan saya dalam tahun 1973 kami di-Sarawak pun barangkali akan membinchangkan perkara yang sa-macam ini di-dalam Legislature ia-itu di-dalam Council Negri barangkali juga sa-rupa yang di-sini—di-dalam Dewan ini mana satu perwakilan itu pun ada membawakan atau pun mengemukakan bagi kesusahan, bantahan di-dalam bahasa kebangsaan.

Yang saya tahu pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, kita dapat sedikit demi sedikit-nya keterangan atau pun kesulitan daripada pehak Pembangkang di-negeri Sarawak membawakan soalan ini sa-bagai soalan politik ia-itu buat mereka itu kempen yang mana Pesisir atau pun di-rumah panjang. Kebolehan mereka itu-lah orang² Iban atau pun orang² Kay an, Kenyah dan sa-bagai-nya. Tetapi saya sendiri sea Dayak apabila saya hendak berchakap dalam bahasa saya sendiri saya pun tidak

berapa pandai lebeh lagi saya pandai dalam bahasa kebangsaan. Di-rumah saya sendiri pun saya berchakap dengan isteri; isteri saya orang China tidak dapat berchakap dalam bahasa saya sendiri melainkan dalam bahasa kebangsaan—bahasa dapor atau bahasa bilek (*Ketawa*).

Jadi, anak saya pun banyak. Tetapi saya bukan macham Dato' dia kata dia ada 12 orang anak. Saya chuma kurang lebeh empat lima orang itu dia orang lebeh lagi pandai daripada saya dalam bahasa kebangsaan. Jadi, yang saya nampak banyak daripada puak kaum saya sendiri mengambilkkan bahasa kebangsaan ini berat sangat. Dia orang pergi di-mana² tempat mengatakan apabila bahasa kebangsaan ini di-selenggarakan di-dalam Sarawak neschaya semua orang Iban atau Dayak dan sa-bagai-nya tidak-lah dapat memakan daging babi. Jadi kemenangan daripada pehak Pembangkang. Pehak Pembangkang mengatakan parti yang membangkang dalam Council Negri ia-itu SUPP, MACHINDA dan SNAP yang menjalankan propaganda ini di-dalam pesisir² kerana tujuan dia orang itu hendak mengambil atau pun memperdayakan penyokong² mereka itu kelak. Dan saya sa-kali lagi dapat memerhatikan atau mendengar di-mana pensharah² kita tadi, penerangan daripada Yang Berhormat Wan Mustapha bersama juga Yang Berhormat Tuan Amaluddin Darus tidak akan menyokong bagaimana Rang Undang² ini di-kemukakan di-dalam Dewan atau pun di-buatkan menjadi bahasa rasmi.

Kita mesti mempelajari daripada lawarikh dunia kita ini daripada purba kala sa-belum tahun masehi ini maka di-sa-belah Timor Tengah atau nun daripada utara kita. dunia memakaikan bahasa Greek atau pun Latin atau pun Roman. Masa itu kita semua belum lagi di-jadikan oleh Tuhan. Jadi, perubahan itu makin lama makin di-ubahkan bahasa itu sampai masa yang ada ini, maka hilang-lah orang yang memakai bahasa Greek atau pun Latin, timbul-lah bahasa Inggeris atau France atau pun Dutch. Bahasa Dutch itu yang di-pakai kita di-dalam tahun 1918 atau 1919 kerana mereka itu menjadi

penjajah di-sabelah Timor ini dahulu. Orang Dutch itu di-sa-belah Indonesia. Jadi, orang Inggeris di-tanah ayer kita di-sini, di-Malaya dan termasuk juga di-Sarawak dan Sabah. Jadi, itu-lah kita memakaikan bahasa-nya.

Dan lagi satu contoh-nya, Tuan Yang di-Pertua, daripada awal-nya dunia ini di-ketahui' kita mempelajari bila manusia berfikir hendak menghantar barang dari satu tempat ka-satu tempat memakai badan sendiri, pikul dan memakai kereta. Jadi, dunia ini, umpama-nya dalam fikiran saya, Tuan Yang di-Pertua, lebeh kurang-lah saperti sa-chara dunia kaki kereta. Jadi, bila melereng kereta itu, melereng ka-hadapan. Nampak-nya Ahli Yang Berhormat Tuan Wan Mustapha tadi dia hendak melereng kereta itu pergi ka-belakang. Jadi, apabila kita melerengkan pergi ka-hadapan neschayah bertukar bagaimana bahasa² kita yang di-pakai tiap³ hari. Sekarang kita mendapat kemerdekaan dan kita mengadakan tujuan dalam fasal Rang Undang² ini dari awal bila mendapat kemerdekaan sudah tetap menunjukkan itu "Whereas Clause (1) of Article 152 of the Constitution provides that the National Language shall be the Malay Language....." 10 tahun yang lalu sa-masa Malaya mendapat kemerdekaan tahun 1957. sudah terletak di-dalam Perlembagaan mengatakan 10 tahun lepas itu neschaya bahasa Melayu di-buatkan menjadi bahasa rasmi atau pun bahasa kebangsaan.

Sampai-lah masa-nya pada 1 hari-bulan September nanti dalam tahun ini maka bahasa Melayu itu di-jadikan bahasa kebangsaan dan bagaimanakah dia hendak mengatakan atau pun

tidak sama sa-kali menyokong Rang Undang² ini, dan saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah berchakap dengan panjang lebar kerana memberi contoh² yang patut yang di-dalam pemandangan saya. Dan begitu juga saya berharap-lah barangkali penerangan saya ini di-dalam Dewan ini bila sampai di-Sarawak sana, saya perchaya juga bantahan² di-sana di-dalam warta² pun saya nampak berbayang di-dalam mata saya orang membantahkan saya menyokong bahasa kebangsaan ini dengan sa-berapa awal. Terima kaseh.

ADJOURNMENT

Tan Sri T. H. Tan: Mr President, Sir. I beg to move,

That notwithstanding the two motions which were moved this morning and which were agreed to by the Senate, the Senate shall now stand adjourned until 10.00 a.m. tomorrow, 11th March, 1967.

The reasons, Mr President, Sir, are that it is likely that this debate will continue for some time and there are other Bills which are also likely to be debated upon at some length. That is the reason for this adjournment.

Dato' Y. T. Lee: Mr President, Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That notwithstanding the two motions which were moved this morning and which were agreed to by the Senate, the Senate shall now stand adjourned until 10.00 a.m. tomorrow, 11th March, 1967.

Mr (Deputy) President: The Senate shall now stand adjourned until 10.00 a.m. tomorrow.

Adjourned at 4.30 p.m.